



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
INSURANS DAN TAKAFUL**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 2 November 2017

Panduan Insurans dan Takaful yang disemak pada 19 Ogos 2017 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Insurans dan Takaful disemak pada 2 November 2017.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	4
Gambaran Menyeluruh Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)	4
GAMBARAN MENYELURUH INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL	4
LAYANAN CBP KE ATAS INSURANS DAN TAKAFUL.....	6
Dana Takaful.....	6
Dana Insurans.....	7
Pinjaman.....	7
Bayaran Indemniti dan Penyelesaian Tuntutan.....	7
Disifatkan sebagai Kredit Cukai Input Berhubung Bayaran Secara Tunai	8
Menuntut Kredit Cukai Input Yang Disifatkan.....	11
Cara untuk menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input	11
Cukai Input Yang Disifatkan Sebagai Kredit Cukai Input Yang Tidak Dibenarkan	12
Insurans Kenderaan Bermotor Wajib Pihak Ketiga	12
Pelbagai Pihak Dinsuranskan	14
Mendapatkan Balik Bayaran Tunai	15
Bayaran Tunai yang Melibatkan Klausula Ekses	16
Bayaran Tunai Melibatkan Perjanjian Sewa Beli.....	19
Kontrak Insurans Semula Am (Reinsurans)	20
Pejabat Pemasaran dan Lokasi Bersama di Malaysia	26
Indemniti berkaitan Harta Benda yang telah Rosak atau Dicuri	26
Penyerahan Barang oleh Pihak Diinsuranskan	28
Pelupusan Barang yang Diserahkan di bawah Tuntutan Insurans.....	28
Penyelesaian Insurans Hayat dan Takaful Keluarga	29
Pengangkutan Antarabangsa bagi Barang dan Penumpang	29
Kawasan Ditetapkan (Labuan, Langkawi atau Tioman)	30

Syarikat Insurans/Takaful di Luar Pesisir (Labuan).....	32
Pembekalan Campuran dan Layanan CBP	32
Perantara bagi Produk Insurans atau Takaful.....	33
Perbelanjaan lain yang berkaitan dengan agen insurans atau takaful	34
Lain-lain Pembekal Perkhidmatan Sampingan Insurans dan Takaful	36
KREDIT CUKAI INPUT	37
Aktiviti penyumberluaran.....	38
PELARASAN HARTA MODAL.....	39
BIL KENDIRI KE ATAS KOMISEN.....	39
MASA PEMBEKALAN BAGI PREMIUM DAN KOMISEN.....	41
PERATURAN PERALIHAN	42
Pembekalan Insurans dan Takaful Melangkaui 1 April 2015	42
Kejadian yang diinsuranskan Sebelum 1 April 2015	43
Pelepasan CBP atas Perkhidmatan Insurans yang Melangkaui 1 April 2015	43
ISU KHUSUS MELIBATKAN INSURANS ATAU TAKAFUL	44
Bayaran Balik Premium.....	44
Polisi Berkaitan Pelaburan	45
Mendapatkan Semula Perbelanjaan Perubatan daripada Agen/Pemegang Polisi.....	45
Pentadbir Tuntutan Pihak Ketiga (PTK)	45
Wang Yang Tidak Dikenalpasti Dikumpul Oleh Syarikat Insurans	46
SOALAN LAZIM	48
PERTANYAAN.....	72
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP	72
LAMPIRAN 1:	73
JADUAL PINDAAN.....	75

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barangan dan Perkhidmatan dan implikasinya ke atas industri insurans dan takaful.

Gambaran Menyeluruh Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat ke atas penggunaan tempatan. Cukai dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh pengantara di dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai bagi mengelak cukai dikenakan dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai orang berdaftar. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut kredit cukai (cukai input) bagi sebarang cukai yang ditanggung dalam pembeliannya yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukan suatu kos kepada perantara dan tidak ditunjukkan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

GAMBARAN MENYELURUH INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL

5. Apa-apa rujukan kepada perniagaan insurans di dalam panduan ini akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada mana-mana rujukan yang melibatkan transaksi yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip syariah.

6. Pendekatan dasar secara keseluruhan adalah bertujuan untuk memberi

layanan cukai yang sama ke atas kontrak takaful Islam dengan kontrak insurans konvensional agar kontrak tersebut mempunyai persamaan secara ekonomi.

7. Insurans am atau takaful am menyediakan perlindungan jangka pendek ke atas harta dan liabiliti daripada sebarang kehilangan atau kerosakan. Untuk tujuan CBP, insurans am mengambil maksud kontrak insurans yang mana dananya disalurkan ke dalam dana insurans am sepertimana ditetapkan oleh Bank Negara. Umumnya, pembekalan produk insurans am atau takaful am adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Begitu juga dengan insurans semula dan takaful semula yang juga berkadar standard.

8. Insurans hayat atau takaful keluarga menyediakan satu kombinasi simpanan jangka panjang dan perlindungan untuk pemegang polisi atau peserta-peserta dan tanggungan mereka sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau bagi menampung keperluan asas hidup. Bagi tujuan CBP, insurans hayat bermaksud kontrak insurans yang mana dananya disalurkan ke dalam dana insurans hayat sepertimana ditetapkan oleh Bank Negara. Umumnya, pembekalan produk insurans hayat, reinsurans hayat, takaful keluarga atau retakaful keluarga adalah dikecualikan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan perlindungan bagi perkhidmatan itu berkait kepada risiko di luar Malaysia, pembekalan itu adalah berkadar sifar.

9. Pembekalan perkhidmatan penasihat Syariah untuk produk takaful adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

10. Panduan ini meliputi semua kontrak insurans/takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan perniagaan insurans lain yang bukan untuk tujuan Akta tersebut di atas. Ia juga meliputi perniagaan insurans, yang dikecualikan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perniagaan takaful yang dikecualikan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sebagai contoh, perniagaan insurans yang dijalankan oleh Exim Bank dianggap perniagaan insurans bagi tujuan CBP. Beberapa contoh layanan GST ke atas industri ini ditunjukkan dalam Lampiran 1.

11. Walau bagaimanapun, panduan ini tidak meliputi waranti dari segi kualiti, ketahanan atau prestasi harta nyata, SOCSO, dana rizab yang diperuntukkan oleh syarikat untuk menampung kerugian di masa hadapan, kumpulan wang simpanan pekerja, dana pencen, skim pencen atau dana amanah.

LAYANAN CBP KE ATAS INSURANS DAN TAKAFUL

Dana Takaful

12. Di Malaysia, perjanjian untuk menyertai satu skim takaful di antara pengendali takaful dengan peserta adalah berdasarkan dua jenis operasi takaful yang berbeza seperti contoh struktur *al-Mudharabah* atau *al-Wakalah*.

13. Dalam model *al-Mudharabah*, fi dan caj yang ditolak dari dana takaful tidak tertakluk kepada CBP, contohnya, fi prestasi pelaburan dan caj pengurusan lebihan. Hasil pelaburan dan fi yang dikenakan akan dimasukkan ke dalam dana pengendali takaful yang dipanggil Dana Pemegang Saham.

14. Dalam struktur *al-Wakalah*, fi *wakalah* (fi pengurusan) yang ditolak oleh pengendali takaful daripada akaun peserta (caruman yang dibayar oleh peserta) dan dibayar kepada dana pemegang saham adalah tidak tertakluk kepada CBP.

15. Jenis pemindahan antara dana yang tidak tertakluk kepada cukai kerana bukan merupakan suatu pembekalan bagi tujuan CBP adalah seperti berikut:

- (a) Agihan pendapatan antara peserta dan pengendali takaful – perkiraan agihan keuntungan.
- (b) Pinjaman tanpa faedah dari dana Pemegang Saham ke dana Takaful sekiranya berlaku defisit aktuari dalam dana takaful.
- (c) Pemindahan lebihan sebenar antara dana pemegang saham dengan dana takaful atau
- (d) Pemindahan dana menurut Akta Takaful 1984.

Dana Insurans

16. Pembekalan perkhidmatan pengurusan untuk mengurus dana insurans am dan hayat oleh syarikat insurans/pengendali takaful (merujuk kepada dana yang diuruskan secara dalaman) tidak tertakluk kepada CBP. Walaubagaimanapun, perkhidmatan yang disalurkan kepada pihak luar adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

17. Cukai input yang ditanggung untuk menguruskan dana insurans am yang boleh dihubungkan dengan pengeluaran polisi insurans am, dibenarkan dituntut cukai input. Walaubagaimanapun, cukai input yang ditanggung untuk menguruskan dana insurans hayat, yang boleh dihubungkan dengan pengeluaran polisi insurans hayat tidak dibenarkan dituntut cukai input.

Pinjaman

18. Kebanyakan polisi hayat mempunyai klausa pinjaman yang membenarkan pinjaman diambil ke atas polisi bergantung kepada suatu peratusan nilai tunai polisi tersebut. Pinjaman ke atas polisi atau pinjaman premium secara automatik yang diberi oleh syarikat insurans/pengendali takaful di mana balasannya adalah dalam bentuk faedah adalah satu pembekalan yang dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP.

Bayaran Indemniti dan Penyelesaian Tuntutan

19. Apabila syarikat insurans/pengendali takaful mengeluarkan polisi insurans, dia adalah bertanggungjawab untuk menanggung rugi pihak diinsuranskan sekiranya berlaku kerugian kewangan atau peribadi. Pembayaran yang dibuat oleh syarikat insurans/pengendali takaful yang berkaitan penyelesaian tuntutan insurans boleh dibuat dalam bentuk wang tunai atau selain daripada tunai (penggantian atau pembaikan harta yang rosak). Pembayaran indemniti secara tunai tidak termasuk apa-apa bayaran yang dibuat untuk membekalkan perkhidmatan atau barang-barang oleh syarikat insurans yang dikontrakkan kepada pembekal pihak ketiga seperti fi yang dibayar kepada juru ukur, pelaras/penilai kerugian, penyiasat dan pakar lain.

20. Layanan penyelesaian untuk tujuan CBP bergantung kepada samada pemegang polisi adalah orang berdaftar CBP dan kelayakan untuk menuntut penuh atau separuh kredit cukai input ke atas premium yang telah dibayar.

Disifatkan sebagai Kredit Cukai Input Berhubung Bayaran Secara Tunai

21. Pembayaran wang tunai oleh syarikat insurans untuk menyelesaikan suatu tuntutan insurans tidak dianggap sebagai suatu pembekalan oleh syarikat insurans/pengendali takaful atau sebagai suatu balasan ke atas pembekalan yang dibuat oleh pihak diinsuranskan. Oleh yang demikian, bayaran indemniti atau penyelesaian tuntutan insurans adalah tidak tertakluk kepada CBP. Bagi pembayaran secara tunai, syarikat insurans/pengendali takaful berhak untuk mendapatkan kredit cukai input yang dianggap telah ditanggung dikenali sebagai "disifatkan sebagai kredit cukai input " tertakluk kepada semua syarat berikut:

- (a) Bagi pembayaran tunai yang dibuat berkait kepada pembekalan berkadar standard;

Contoh 1:

Encik Lee membeli polisi pemilik rumah untuk rumah kediamannya. Syarikat insurans atau pengendali takaful boleh menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input yang ditanggung ke atas apa-apa bayaran tunai yang dibuat kepadanya berkenaan dengan kerugian yang berkaitan dengan pembekalan berkadar standard. Sebagai contoh, syarikat insurans membuat bayaran tunai kepadanya atas kerugian peralatan rumah.

- (b) Bagi pembayaran tunai yang dibuat kepada pihak diinsuranskan yang tidak berdaftar di bawah CBP pada tarikh kuatkuasa polisi insurans tersebut;

Contoh 2:

Jika pihak diinsuranskan bukan orang berdaftar, syarikat insurans/pengendali takaful berhak kepada cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input jika terdapat bayaran tunai dibuat oleh syarikat

insurans/pengendali takaful ke atas apa-apa kejadian yang diinsuranskan.

Walau bagaimanapun, jika pihak yang diinsuranskan menjadi orang berdaftar selepas pembayaran, syarikat insurans/pengendali takaful tidak perlu mengakaun kredit tersebut.

Apa-apa kejadian yang berlaku selepas pihak yang diinsuranskan menjadi orang berdaftar di mana syarikat insurans/pengendali takaful membuat bayaran tunai, pihak yang diinsuranskan masih lagi berhak ke atas cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input sehingga akhir tempoh polisi. Selepas pembaharuan polisi atau pengeluaran polisi baru, cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input tidak lagi boleh dituntut.

Rujukan bagi menentukan status pendaftaran pihak yang diinsuranskan adalah pada tarikh polisi insurans berkuat kuasa. Jika pihak yang diinsuranskan bukan orang berdaftar pada tarikh kuat kuasa tetapi kemudian menjadi orang berdaftar, dia masih memenuhi syarat (b) iaitu dikategorikan sebagai bukan orang berdaftar. Syarikat insurans perlu memastikan status pendaftaran pihak yang diinsuranskan pada tarikh polisi insurans berkuat kuasa. Status pendaftaran pihak yang diinsuranskan boleh diperolehi di Portal CBP Kastam Diraja Malaysia.

- (c) Bagi pembayaran tunai yang dibuat menurut sesuatu polisi insurans di mana cukai input tidak disekat seperti kehilangan motosikal.

Contoh 3:

Apabila terdapat penyelesaian tunai yang berkaitan dengan kehilangan motosikal dalam polisi insurans am, syarikat insurans atau pengendali takaful berhak terhadap cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input.

Tuntutan cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input adalah tidak dibenarkan atas apa-apa bayaran tunai bagi insurans dan takaful berkaitan dengan pembayaran untuk pembaikan, penyenggaraan dan membaikpulih motokar seperti yang dikategorikan dibawah Peraturan

34, Peraturan- Peraturan CBP 2014 kerana ianya disekat di bawah Peraturan 36, Peraturan-Peraturan CBP 2014.

- (d) Bagi pembayaran tunai yang dibuat menurut sesuatu polisi insurans kepada pihak diinsuranskan yang merupakan pemilik tunggal yang berdaftar CBP dan menggunakan polisi insurans untuk tujuan selain daripada menjalankan perniagaan (kegunaan peribadi).

Contoh 4:

Cik Betty Lim ialah pemilik tunggal yang berdaftar dibawah CBP. Dia membeli polisi insurans pemilik rumah untuk kediamannya di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Memandangkan perlindungan insurans tersebut bukan untuk tujuan perniagaan yang dijalankan olehnya, maka syarikat insurans/pengendali takaful boleh menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input yang ditanggung ke atas apa-apa pembayaran tunai yang dibuat kepadanya berkaitan dengan kerugian barangan peribadi seperti televisyen, radio, computer dan peralatan muzik.

- (e) Bagi perlindungan insurans yang bermula pada atau selepas 1 April 2015. Oleh yang demikian, tarikh kuatkuasa perlindungan insurans atau polisi insurans mestilah pada atau selepas 1 April 2015.

Contoh 5:

Tarikh mula perlindungan insurans adalah pada 21 Januari 2015 dan kejadian yang diinsuranskan berlaku pada 30 Mac 2015. Syarikat insurans membuat pembayaran tunai pada 15 April 2015 kepada pihak yang membuat tuntutan. Syarikat insurans adalah tidak layak untuk menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input ke atas pembayaran tunai yang dibuat pada 15 April 2015 (dengan andaian syarat-syarat lain dipenuhi).

Menuntut Kredit Cukai Input Yang Disifatkan

Pengiraan Cukai Input Yang Disifatkan Sebagai Kredit Cukai Input

22. Untuk menentukan jumlah cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input, syarikat insurans mesti menggunakan pecahan cukai kepada jumlah bayaran tunai yang dibuat oleh syarikat insurans/pengendali takaful selaras dengan formula yang diberikan di bawah:

$$\text{Cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input} = \frac{\text{Kadar CBP}}{100 + \text{Kadar CBP}} \times \text{Bayaran tunai}$$

Contoh 6:

Syarikat insurans/pengendali takaful membuat bayaran tunai sebanyak RM1,060 pada 1 Mei 2016 kepada pemegang polisi insurans barangan rumah bukan orang berdaftar. Pembayaran tunai untuk pembelian komputer peribadi bagi polisi ini boleh dituntut sebagai cukai input yang disifatkan sebagai kredit input cukai.

$$\text{Cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input} = \frac{6}{100 + 6} \times \text{RM1,060} = \text{RM60}$$

Cara untuk menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input

23. Syarikat insurans/pengendali takaful yang membuat apa-apa bayaran tunai di bawah kontrak insurans kepada pemegang polisi dalam urusan penyelesaian tuntutan di bawah kontrak tersebut, dan bercadang untuk menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit cukai input mestilah mempunyai dokumen yang menunjukkan bahawa dia telah membuat bayaran tunai, contohnya baucar pembayaran, dll.

Contoh 7:

Pemegang polisi, seorang peruncit tidak berdaftar berdaftar menanggung RM10,600 (termasuk RM600 CBP) atas kerosakan hartanya:

- i. Pemegang polisi mengatur penggantian harta dan menuntut pembayaran balik daripada syarikat insurans (penyelesaian tunai);*
- ii. Syarikat insurans membayar tunai kepada pemegang polisi sebanyak RM10,600;*
- iii. Syarikat insurans menuntut CBP sebanyak RM600 daripada JKDM sebagai cukai input yang disifatkan.*

Cukai Input Yang Disifatkan Sebagai Kredit Cukai Input Yang Tidak Dibenarkan

24. Pembayaran tunai yang dibuat oleh syarikat insurans atau pengendali takaful apabila berlaku kejadian yang dilindungi tidak boleh berkaitan dengan apa-apa pembekalan selain daripada pembekalan berkadar standard atau suatu pembekalan yang mana kredit cukai input yang ditanggung disekat. Bayaran tunai yang dibuat seperti ini tidak layak untuk cukai input disifatkan sebagai kredit cukai input.

Contoh bayaran tunai tidak layak untuk cukai input disifatkan seperti berikut:

- a) Pampasan Kemalangan Diri contohnya, pampasan kerana kehilangan jari;
- b) Pampasan untuk kecederaan tubuh badan pihak ketiga yang terlibat dalam kemalangan kereta;
- c) Turutan kehilangan pendapatan (contohnya hilang upaya kekal).
- d) Pampasan berkaitan dengan segala bentuk rawatan perubatan (contohnya penyakit kritikal)
- e) Pembaikan dan penyelenggaraan motorcar seperti yang ditakrifkan di bawah Peraturan 34.

Insurans Kenderaan Bermotor Wajib Pihak Ketiga

25. Dalam kes polisi insurans yang mana pemegang polisi diinsurankan terhadap liabiliti pihak ketiga, apabila syarikat insurans/pengendali takaful membuat bayaran

tunai sebagai penyelesaian tuntutan oleh pihak ketiga, kelayakan syarikat insuran untuk cukai input yang disifatkan adalah bergantung kepada status pendaftaran pemegang polisi (samada syarat di perenggan 21(b) dipenuhi) dan bukannya status pendaftaran penerima bayaran tunai. Kelayakan juga adalah tertakluk kepada syarat di bawah Peraturan 47(2A) Peraturan-Peraturan CBP 2014.

Contoh 8:


Pembekalan kepada syarikat insurans/pengendali takaful wajib pihak ketiga.

Di satu simpang, Steven melanggar kereta Ramli. Ramli mengalami kecederaan kecil di kaki dan membuat tuntutan terhadap syarikat insurans/pengendali takaful Steven kerana ianya adalah kesalahan Steven. Steven adalah orang yang tidak berdaftar. Syarikat insurans/pengendali takaful merujuk Ramli kepada doktor perubatan untuk penilaian perubatan. Syarikat insurans dan doktor perubatan mempunyai tanggungjawab ke atas pemeriksaan dan penilaian perubatan Ramli. Dalam kes ini, doktor perubatan membuat pembekalan perkhidmatan perubatan kepada syarikat insurans/pengendali takaful yang merupakan pembekalan dikecualikan.

Jika syarikat insurans/pengendali takaful membuat suatu penyelesaian tunai kepada Ramli, dia tidak layak menuntut cukai input yang disifatkan sekiranya penyelesaian tunai dibuat terhadap polisi insuran untuk menggantikan motorcar di bawah Peraturan 34 yang juga merupakan cukai input disekat di bawah Peraturan 36, Peraturan CBP 2014.

26. Ilustrasi di bawah menunjukkan transaksi tuntutan kerosakan harta motor pihak ketiga di mana 'Knock-For-Knock' terpakai dan boleh diperolehi semula.

Syarikat insurans untuk A membuat penyelesaian tunai kepada syarikat insurans untuk B dan tidak membuat bayaran untuk membaikpulih motorkar penumpang B yang telah rosak.



Pelbagai Pihak Dinsurankan

27. Sesetengah kontrak insurans menamakan lebih daripada satu pihak diinsurankan dibawah sesuatu kontrak dan pihak yang diinsurankan boleh berada di dalam dan di luar Malaysia, contohnya rakyat Malaysia atau ekspatriat yang bekerja di anak syarikat di luar negara. Jika tidak ada satu parti diinsurankan dan pihak diinsurankan adalah berada di dalam dan di luar Malaysia, pembekalan insurans dianggap sebagai diterima di Malaysia tanpa mengira pihak mana yang merupakan benefisiari utama dan / atau di mana pihak itu berada yang telah terlibat secara langsung dalam kontrak tersebut.

Contoh 9:

Sebuah syarikat melindungi pekerja syarikat di bawah polisi Kemalangan Diri Kumpulan, Terma Hayat atau Hospital & Pembedahan Kumpulan di mana sesetengah pihak yang dilindungi insurans berada di luar Malaysia (contohnya anak syarikat) dan ada pula yang berada di Malaysia. Pembekalan perkhidmatan insurans itu adalah merupakan pembekalan berkadar standard.

Mendapatkan Balik Bayaran Tunai

28. Terdapat keadaan di mana syarikat insurans/pengendali takaful boleh mendapatkan balik sebahagian atau keseluruhan bayaran tunai yang dibuat di bawah kontrak insurans seperti dalam kes frod atau subrogasi. Jika sebahagian atau keseluruhan pembayaran tunai yang dibuat oleh syarikat insurans/pengendali takaful didapatkan balik dalam mana-mana hal keadaan di atas, syarikat insurans/pengendali takaful perlu mengurangkan tuntutan cukai input yang disifatkan memandangkan syarikat tidak menanggung sebahagian atau keseluruhan bayaran tunai tersebut. Pelarasan perlu dibuat dalam tempoh di mana bayaran diterima dan nilai pelarasan adalah pecahan cukai yang berkaitan ke atas jumlah bayaran yang didapatkan balik.

29. Contoh keadaan lain adalah termasuk mendapatkan balik melalui jualan harta yang rosak atau jualan kenderaan curi yang didapatkan, tuntutan mendapatkan balik yang melibatkan kerosakan badan motor, syarikat insurans memperoleh bayaran balik melalui rayuan tetapi tidak termasuk bayaran balik dari pengendali penanggung insurans semula atau penanggung takaful semula di bawah kontrak atau sijil insurans semula atau takaful semula.

Contoh 10:

*Kadar CBP atas premium yang meningkatkan pembayaran tunai adalah 6%.
Polisi insurans bermula 1 Disember 2015:*

<i>Jumlah pembayaran tunai</i>	-	<i>RM5,300</i>
<i>Pembayaran tunai dibuat</i>	-	<i>1 May 2016</i>
<i>Jumlah yang didapatkan balik</i>	-	<i>RM2,000</i>
<i>Didapatkan balik pada</i>	-	<i>3 Julai 2016</i>

Syarikat insurans/pengendali takaful menuntut cukai input yang disifatkan sebanyak RM300 ($6/106 \times RM5,300$) dalam penyata syarikat bagi tempoh bercukai meliputi 1 Mei 2016 apabila syarikat membuat bayaran tunai sebanyak RM5,300.

Seterusnya, apabila syarikat mendapatkan balik RM2,000 daripada bayaran tunai tersebut, syarikat hendaklah mengurangkan cukai input yang disifatkan sebanyak RM113.20 ($6/106 \times RM2,000$) bagi tempoh bercukai meliputi 3 Julai 2016.

Bayaran Tunai yang Melibatkan Klausu Ekses

30. Semua bayaran tuntutan yang dibuat kepada pihak diinsuranskan/peserta takaful, pembaihpulih atau pihak ketiga yang menuntut ialah jumlah bersih daripada klausu ekses. Amaun ekses adalah tidak termasuk CBP. Dalam hal ini, pihak diinsuranskan/peserta takaful akan menyelesaikan jumlah tuntutan yang tidak dilindungi oleh syarikat insurans dengan pembaihpulih atau pihak ketiga yang menuntut. Oleh itu, syarikat insurans/pengendali takaful membuat bayaran tunai sebagai indemniti kepada pihak diinsuranskan mengikut kontrak insurans. Cukai input yang disifatkan hanya dibenarkan ke atas jumlah sebenar bayaran tunai yang dibuat oleh syarikat insurans/pengendali takaful.

Contoh 11:

Pembekal yang berdaftar CBP mengeluarkan bil kepada pihak diinsuranskan untuk perkhidmatan baikpulih peralatan audio dan visual, jika pihak diinsuranskan adalah bukan orang berdaftar

- i. Klausu ekses: RM400 (tidak termasuk CBP)*
- ii. Jumlah tuntutan oleh pihak diinsuranskan (caj baikpulih): RM4,240 (termasuk CBP)*

Caj baikpulih + CBP 6%

= RM4,000 + RM240

= RM4,240

- iii. Jumlah bersih penyelesaian tuntutan oleh syarikat insurans/pengendali takaful kepada pihak diinsuranskan/peserta takaful: RM3,816 (termasuk CBP)*

Jumlah caj baikpulih – (Klausa eksek + CBP 6%)

$$= RM4,240 - (RM400 + 24)$$

$$= RM4,240 - RM424$$

$$= RM3,816$$

- iv. *Pihak diinsuranskan membayar RM424 (termasuk CBP) tetapi tidak boleh menuntut RM24 sebagai cukai input kerana bukan orang berdaftar*
- v. *Syarikat insurans/pengendali takaful menuntut cukai input yang disifatkan sebanyak RM216 (RM240 – RM24) ke atas jumlah RM3,816*
- vi. *Pembaikpulih mengakaun cukai output sebanyak RM240 (6/106 x 4,240) ke atas caj baikpulih.*

Contoh 12:

Pembekal berdaftar CBP mengeluarkan bil kepada pihak diinsuranskan untuk perkhidmatan baikpulih peralatan audio dan visual jika pihak diinsuranskan adalah orang berdaftar.

- i. *Klausa eksek: RM400 (tidak termasuk CBP)*
- ii. *Jumlah tuntutan oleh pihak diinsuranskan (caj baikpulih): RM4,240 (termasuk CBP)*
- iii. *Jumlah bersih penyelesaian tuntutan oleh syarikat insurans/pengendali takaful kepada pihak diinsuranskan/peserta takaful: RM3,600*

Jumlah caj baikpulih – Klausa eksek - CBP 6%

$$= RM4,240 - RM400 - RM240$$

$$= RM3,600$$

- iv. *Pihak diinsuranskan membayar RM424 sebagai klausa eksek kepada syarikat insurans/pengendali takaful dan menuntut RM240 sebagai cukai input untuk caj baikpulih.*

-
- v. *Syarikat insurans/pengendali takaful tidak boleh menuntut cukai input yang disifatkan ke atas jumlah bayaran tunai sebanyak RM3,600 kerana pihak diinsuranskan adalah orang berdaftar*
 - vi. *Pembaikpulih mengakaun cukai output sebanyak RM240 ke atas caj baikpulih.*

Contoh 13:

Pembaikpulih yang berdaftar CBP mengeluarkan bil kepada syarikat insurans untuk perkhidmatan baikpulih peralatan audio dan visual jika pihak yang diinsuranskan bukan orang berdaftar

- i. *Klausa Ekses: RM400 (tidak termasuk CBP)*
- ii. *Jumlah caj baikpulih RM4,240 (termasuk CBP)*
- iii. *Pembaikpulih mengeluarkan bil kepada syarikat insurans berjumlah RM3,816 (tolak ekses)*
- iv. *Syarikat insurans/pengendali takaful menuntut cukai input yang disifatkan sebagai kredit sebanyak RM216 (RM240-RM24) ke atas jumlah tunai dibayar RM3,816.*
- v. *Pembaikpulih mengeluarkan bil kepada pihak yang diinsuranskan sebanyak RM424 (termasuk CBP) untuk amaun ekses tetapi pihak yang diinsuranskan tidak boleh menuntut RM24 sebagai cukai input kerana dia bukan orang berdaftar*
- vi. *Pembaikpulih melepaskan peralatan audio dan visual kepada pemilik/pihak yang diinsuranskan selepas memungut amaun ekses*
- vii. *Pembaikpulih mengakaun cukai output sebanyak RM240 ke atas caj baikpulih.*

Contoh 14:

Pembaikpulih yang berdaftar CBP mengeluarkan bil kepada syarikat insurans untuk perkhidmatan baikpulih peralatan audio dan visual jika pihak yang diinsuranskan adalah merupakan orang berdaftar.

- i. *Klausa Ekses: RM400 (tidak termasuk CBP)*
- ii. *Jumlah caj baikpulih RM4,240 (termasuk CBP)*

-
- iii. *Pembaikpulih mengeluarkan bil kepada syarikat insurans berjumlah RM3,816 (tolak ekses)*
 - iv. *Syarikat insurans/pengendali takaful menuntut kredit cukai input sebanyak RM216 (RM240-RM24) ke atas RM3,816 iaitu jumlah tunai dibayar kepada pembaikpulih.*
 - v. *Pembaikpulih mengeluarkan bil kepada pihak yang diinsuranskan berjumlah RM424 (termasuk GST) untuk amaun ekses dan pihak yang diinsuranskan menuntut RM24 sebagai cukai input kerana dia adalah orang berdaftar*
 - vi. *Pembaikpulih melepaskan peralatan audio dan visual kepada pemilik/pihak yang diinsuranskan selepas memungut amaun ekses.*
 - vii. *Pembaikpulih mengakaun cukai output sebanyak RM240 ke atas caj baikpulih.*

Contoh 15:

Syarikat insurans dan pemegang polisi (bukan orang berdaftar) bersetuju dengan RM4,000 penyelesaian tunai bagi peristiwa yang diinsuranskan.

- i. *Klausa Ekses: RM400 (tidak termasuk CBP)*
- ii. *Penyelesaian tunai RM3,600 (ditolak excess)*
- iii. *Syarikat insurans menuntut cukai input disifatkan RM203.77 t*

Bayaran Tunai Melibatkan Perjanjian Sewa Beli

31. Untuk kecurian motorkar penumpang seperti yang ditakrifkan di bawah Peraturan 34, Peraturan-peraturan CBP 2014, syarikat insurans akan membayar jumlah yang diinsuranskan atau nilai pasaran kenderaan tersebut pada masa kerugian tidak termasuk klausa ekses. Sekiranya motorkar penumpang masih terikat di bawah perjanjian sewa beli, syarikat insurans akan menyelesaikan baki tunggakan pinjaman kepada pembiaya dan membuat bayaran tunai ke atas jumlah baki tersebut kepada penerima insuran ataupun pemilik kenderaan. Syarikat insuran/pengendali takaful tidak dibenarkan menuntut cukai input yang disifatkan ke atas jumlah keseluruhan pembayaran yang telah dibuatnya kepada pembiaya dan penerima insuran.

32. Cukai input yang disifatkan hanya dibenarkan ke atas jumlah bayaran tunai sebenar yang dibayar oleh syarikat insurans/pengendali takaful yang berkait dengan pembekalan berkadar standard seperti peralatan industri atau kenderaan yang tidak ditakrif di bawah Peraturan 34, Peraturan-peraturan CBP 2014.

Kontrak Insurans Semula Am (Reinsurans)

33. Adalah menjadi kebiasaan bagi syarikat insurans/pengendali takaful untuk membeli kontrak insurans/takaful semula. Jika suatu tuntutan dibuat terhadap syarikat insurans/pengendali takaful, syarikat insurans/pengendali takaful akan mengatasi kerugian yang dialami dengan membuat tuntutan terhadap syarikat insurans/takaful semula di bawah kontrak insurans/takaful semula. Memandangkan tuntutan tersebut dibuat di bawah kontrak insurans/takaful semula yang berasingan di mana syarikat insurans/pengendali takaful sekarang menjadi pihak/peserta diinsuranskan, tuntutan yang dibuat oleh syarikat insurans tidak akan dianggap sebagai bayaran tunai yang didapatkan semula. Oleh itu, syarikat insurans/pengendali takaful tidak perlu mengurangkan cukai input yang telah dituntut jika ia menerima apa-apa bayaran tunai di bawah suatu kontrak insurans/takaful semula yang dibuat secara berasingan.

34. Premium daripada kontrak insurans semula layak untuk berkadar sifar jika ia suatu pembekalan yang dibuat 'di bawah kontrak dengan', dan yang 'secara langsung memberi manfaat kepada' seseorang yang berada di luar Malaysia, dan yang berada di luar Malaysia apabila perkhidmatan dilaksanakan. Oleh itu, premium insurans semula yang diterima daripada peserta di luar Malaysia boleh menjadi berkadar sifar. Perlindungan insurans semula tidak dikira sebagai dibekalkan secara langsung dalam kes berkaitan dengan barang atau tanah.

35. Penentuan layanan CBP ke atas premium insurans semula adalah seperti berikut:

Contoh 16:

Fakultatif Perniagaan – Tidak Berkadar

Syarikat insurans, Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B adalah berdaftar untuk CBP. Penanggung Insurans Semula C bukan pemastautin Malaysia dan bukan berdaftar atau diperlukan untuk mendaftar untuk CBP. Syarikat insurans menaja jamin perlindungan insurans harta bagi syarikat industri global dengan premium sebanyak RM10,000 untuk tempoh satu tahun bermula 1 Nov 2015.

Diandaikan bahawa pihak-pihak yang berkenaan bersetuju bahawa premium adalah tidak termasuk CBP dan CBP dikira secara berasingan dan ditambah di atas premium dan pihak-pihak yang berkaitan mempunyai perjanjian invois bil sendiri dan memenuhi keperluan Seksyen 33 Akta CBP 2014.

Pada 1 Nov 2015 syarikat insurans bercadang untuk menginsurans semula polisi secara bukan berkadaran bagi mana-mana satu kerugian yang melebihi RM10 juta dengan premium sebanyak RM1,000 dan 15% komisen insurans semula seperti berikut:

Syarikat Insurans Semula A	30%
Syarikat Insurans Semula B	50%
Syarikat Insurans Semula C	20%

Syarikat insurans akan mengeluarkan Invois Bil Kendiri kepada kedua-dua Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B. Oleh kerana Penanggung Insurans Semula C tidak berdaftar atau diperlukan untuk mendaftar CBP, pembekalan bagi insurans semula adalah tidak bercukai dan syarikat insurans hanya perlu mengeluarkan dokumentasi komersil biasa, jika berkenaan. *Syarikat insurans perlu mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan bagi pembekalan perkhidmatan insurans semula oleh Penanggung Insurans Semula C.

	Syarikat Insurans Semula A	Syarikat Insurans Semula B	Syarikat Insurans Semula C
Premium	300.00	500.00	200.00
CBP atas Premium	18.00	30.00	12.00*

Contoh 17:

Fakultatif Perniagaan – Berkadar

Adalah diandaikan untuk tujuan Contoh 17 dimana pihak-pihak yang berkenaan telah bersetuju bahawa premium adalah tidak termasuk amaun CBP dan CBP adalah dikira secara berasingan dan ditambah pada premium dan pihak-pihak yang berkenaan mempunyai perjanjian Invois Bil Kendiri dan memenuhi keperluan seksyen 33 Akta CBP 2014. Pihak-pihak tersebut adalah Penanggung Insurans Semula NCA Re, Everest Re dan CBL Re dan syarikat insurans adalah Tamla Insurance. Tamla, NCA Re dan Everest Re berdaftar CBP. CBL Re adalah bukan pemastautin dan tidak berdaftar serta tidak perlu untuk berdaftar CBP.

Tamla menaja jamin insurans perlindungan harta (perkhidmatan insurans am) bagi syarikat industri antarabangsa dengan premium sebanyak RM60,000 selama satu tahun bermula 1 Oktober 2016.

Pada 1 Oktober 2016, Tamla bercadang untuk menginsurans semula polisi secara berkadaran seperti berikut:

NCA Re	15%
Everest Re	25%
CBL Re	10%

Tamla menerima komisen 20% bagi meletakkan polisi ini.

Tamla mengeluarkan Invois Bil Kendiri kepada kedua-dua NCA Re dan Everest Re. CBL Re adalah tidak berdaftar erta tidak perlu untuk berdaftar CBP, pembekalan insurans semula adalah tidak bercukai dan Tamla perlu mengeluarkan dokumentasi komersil biasa, jika diminta. Walaubagaimanapun, Tamla perlu mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan bagi pembekalan perkhidmatan insurans semula oleh CBL Re.

Invois Bil Kendiri yang dikeluarkan oleh Tamla adalah untuk pembekalan yang diterima oleh Tamla. Invois dikeluarkan oleh Syarikat Insurans kepada Penanggung Insurans Semula bagi contoh ini adalah seperti berikut:

	NCA Re <i>(Invois Bil Kendiri)</i>	Everest Re <i>(Invois Bil Kendiri)</i>	CBL Re <i>(Tutup)</i>
<i>Premium</i>	9,000.00	15,000.00	6,000.00
<i>CBP atas premium</i>	540.00	900.00	360.00*

* Tamla perlu mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan bagi pembekalan perkhidmatan insurans semula oleh CBL Re.

Contoh 18:

Fakultatif Perniagaan Luar Pesisir

Syarikat insurans dan broker insurans semula adalah bukan pemastautin Malaysia dan bukan berdaftar atau diperlukan untuk mendaftar CBP. Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B adalah berdaftar CBP. Penanggung Insurans Semula C adalah bukan pemastautin Malaysia dan bukan berdaftar atau diperlukan untuk mendaftar CBP.

Syarikat insurans menaja jamin perlindungan insurans harta bagi syarikat industri antarabangsa dengan premium sebanyak RM10,000.

Syarikat insurans menginsurans semula polisi secara bukan berkadaran bagi mana-mana satu kerugian yang melebihi RM50 juta melalui Broker insurans semula dengan premium sebanyak RM5,000 dan 15% broker insurans semula seperti berikut:

<i>Syarikat Insurans A</i>	30%
<i>Syarikat Insurans B</i>	50%
<i>Syarikat Insurans C</i>	20%

Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B adalah berdaftar CBP, walau bagaimanapun pembekalan insurans semula kepada syarikat insurans adalah berkadar sifar kerana syarikat insurans bukan pemastautin di Malaysia.

Pembekalan perkhidmatan oleh syarikat insurans kepada Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B di mana komisen adalah sebagai balasan adalah tertakluk kepada mekanisme caj balikan.

Penanggung Insurans Semula A dan Penanggung Insurans Semula B perlu mengakaunkan kedua-dua cukai output ke atas komisen dan pada masa yang sama kredit cukai input ditunjukkan dalam penyata CBP kerana komisen adalah berkait dengan pembekalan bercukai.

Begitu juga dengan keadaan di mana perkhidmatan broker diberikan oleh broker asing kepada penanggung insurans semula A dan B ini adalah tertakluk kepada mekanisme caj balikan.

Penanggung Insurans Semula C adalah tidak berdaftar atau diperlukan untuk mendaftar CBP, oleh yang demikian pembekalan bagi insurans semula kepada syarikat insurans adalah bukan pembekalan bercukai.

36. Jadual di bawah menunjukkan pelbagai senario dan layanan CBP bergantung kepada tempat kedudukan *cedant*, penanggung insurans semula dan broker.

Syarikat Insurans (Cedant)	Penanggung insurans semula	Broker	CBP atas Premium (Invois Cukai)	CBP atas Komisen dibayar oleh penanggung insurans semula kepada syarikat insurans	CBP atas Brokeraj dibayar oleh penanggung insurans semula kepada broker
Tempatan	Tempatan	NA	Kadar Standard (IBK dikeluarkan oleh syarikat insurans)	Kadar Standard (IBK)	N/A
Tempatan	Tempatan	Tempatan	Kadar Standard (IBK dikeluarkan oleh syarikat insurans)	Kadar Standard (IBK)	Kadar Standard (Invois Cukai dikeluarkan oleh broker)

Syarikat Insurans (<i>Cedant</i>)	Penanggung insurans semula	Broker	CBP atas Premium (Invois Cukai)	CBP atas Komisen dibayar oleh penanggung insurans semula kepada syarikat insurans	CBP atas Brokeraj dibayar oleh penanggung insurans semula kepada broker
Tempatan	Tempatan	Asing	Kadar Standard (IBK dikeluarkan oleh syarikat insurans)	Kadar Standard (IBK)	Caj Balikan oleh Penanggung Insurans Semula
Tempatan	Asing	N/A	Caj Balikan (oleh syarikat insurans)	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	N/A
Tempatan	Asing	Tempatan	Caj Balikan (oleh syarikat insurans)	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)
Tempatan	Asing	Asing	Caj Balikan (oleh syarikat insurans)	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	Di luar skop (Invois Cukai tidak diperlukan)
Asing	Tempatan	N/A	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	Caj Balikan oleh Penanggung Insurans Semula	N/A
Asing	Tempatan	Tempatan	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	Caj Balikan oleh Penanggung Insurans Semula	Kadar Standard (Invois Cukai dikeluarkan oleh broker)
Asing	Tempatan	Asing	Kadar Sifar (Invois Cukai tidak diperlukan)	Caj Balikan oleh Penanggung Insurans Semula	Caj Balikan oleh Penanggung Insurans Semula

- Brokeraj dibayar oleh penanggung insurans semula kepada broker adalah seperti di atas.
- Brokeraj juga dibayar oleh *cedant* kepada broker. Broker akan menganalisis faktor risiko dan menentukan penggunaan fakultatif atau perjanjian (*treaty*). Fakultatif adalah untuk risiko tertentu, contoh insurans semula kilang, gudang (simpanan barang-barang berbahaya), risiko tenaga nuclear dll manakala perjanjian adalah lebih umum sebagai contoh insurans semula jabatan pentadbiran.

Pejabat Pemasaran dan Lokasi Bersama di Malaysia

37. Syarikat insurans dan syarikat takaful atau broker insurans semula Labuan yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 (LFSSA) atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (LIFSSA) boleh mempunyai pejabat pejabat pemasaran atau lokasi bersama di Malaysia (Kuala Lumpur dan/atau Bandar Iskandar, Johor) iaitu di luar kawasan ditetapkan. Pejabat lokasi bersama boleh menjalankan aktiviti-aktiviti berikut seperti penaja jamin, pengurusan risiko, pelarasan tuntutan, penilaian, perbendaharaan termasuk pelaburan, perakaunan, pentadbiran dan sumber manusia dan jualan dan pemasaran. Apa-apa pembekalan perkhidmatan ini dari pejabat lokasi bersama yang terletak di Malaysia untuk syarikat di Malaysia tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Pembekalan perkhidmatan dari pejabat lokasi bersama yang terletak di Malaysia kepada sebuah syarikat di kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada CBP.

38. Sebaliknya, pejabat pemasaran hanya terhad untuk memudahkan mesyuarat dengan pelanggan serta mewujudkan hubungan dengan pelanggan berpotensi bagi syarikat Labuan itu. Tiada penyelenggaraan buku dan rekod (termasuk aktiviti perdagangan) dilakukan di pejabat pemasaran. Apa-apa pembekalan perkhidmatan dari pejabat pemasaran yang terletak di Malaysia kepada syarikat di Malaysia tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Pembekalan perkhidmatan ini dari pejabat pemasaran yang terletak di Malaysia kepada syarikat di kawasan ditetapkan tidak tertakluk kepada CBP.

Indemniti berkaitan Harta Benda yang telah Rosak atau Dicuri

39. Dalam kes di mana syarikat insurans/pengendali takaful menyelesaikan sesuatu kerugian dengan membaiki atau mengganti harta benda, syarikat insurans/pengendali takaful boleh membeli perkhidmatan baikpulih atau penggantian harta benda secara terus daripada pembekal. Syarikat insurans/pengendali takaful akan membayar CBP hanya jika perkhidmatan baikpulih atau penggantian harta benda tertakluk kepada CBP. Syarikat insurans/pengendali takaful berhak menuntut

cukai input yang ditanggung. Apabila syarikat insurans/pengendali takaful menggantikan barang tersebut, mereka tidak membuat pembekalan kepada pihak diinsuranskan dan dengan itu tiada implikasi CBP.

Contoh 19:

Syarikat insurans/pengendali takaful membekalkan barang ganti. Set kamera Ramli telah dicuri. Ramli adalah merupakan bukan orang berdaftar. Syarikat insurans/pengendali takaful beliau membeli kamera baru pada harga RM1,680 dan membekalkannya kepada Ramli untuk penyelesaian tuntutan. Syarikat insurans/pengendali takaful berhak kepada kredit cukai input atas pembelian kamera yang bersamaan dengan pecahan cukai 6% ke atas harga iaitu RM95.

Apabila syarikat insurans/pengendali takaful membekalkan set kamera kepada Ramli, syarikat insurans/pengendali takaful tidak membuat pembekalan bercukai kepada Ramli. Apabila syarikat insurans/pengendali takaful memberikan harta gantian kepada pihak diinsuranskan, beliau tidak membuat pembekalan barang.

40. Sekiranya harta benda yang diganti (contohnya, aset/harta benda yang telah digunakan) diperolehi daripada bukan orang berdaftar, tiada CBP akan dikenakan ke atas syarikat insurans/pengendali takaful dan syarikat insurans/pengendali takaful tidak layak menuntut cukai input. Namun begitu, jika syarikat insurans/pengendali takaful mempunyai kontrak dengan pembekal yang merupakan seorang yang berdaftar untuk mengganti atau memperbaiki barang-barang yang diinsuranskan, syarikat insurans/pengendali takaful adalah berhak kepada cukai input atas perolehan tersebut.

Contoh 20:

Syarikat insurans/pengendali takaful mempunyai perjanjian dengan pembekal untuk membekalkan barang.

Jika, dalam Contoh 19, syarikat insurans/pengendali takaful mempunyai kontrak dengan pembekal dan membayar pembekal RM1,680 untuk membekalkan kamera kepada Ramli, maka syarikat insurans/pengendali takaful adalah berhak untuk kredit cukai input bagi pembayaran yang dibuat kepada pembekal. Jumlah kredit cukai input ialah pecahan cukai 6% CBP

dalam harga (RM95). Kelayakan hanya timbul jika syarikat insurans/pengendali takaful mempunyai perjanjian dengan pembekal yang mewujudkan ikatan tanggungjawab untuk membolehkan kamera tersebut diberikan kepada Ramli.

Penyerahan Barang oleh Pihak Diinsuranskan

41. Dalam kes di mana syarikat insurans/pengendali takaful memberi pampasan kepada pihak diinsuranskan dalam bentuk tunai bagi barang yang rosak dan bukannya dengan mengganti atau membaikinya, pihak diinsuranskan menyerahkan barang yang rosak kepada syarikat insurans/pengendali takaful dan syarikat insurans/pengendali takaful akan menjual barang tersebut dan menyimpan pulangnya.

42. Apabila pihak diinsuranskan membuat pembekalan barang kepada syarikat insurans/pengendali takaful, tiada pembekalan bercukai yang dibuat olehnya, misalnya pelupusan kenderaan yang rosak kepada syarikat insurans/pengendali takaful atau syarikat insurans/pengendali takaful mengambil pemilikan kenderaan rosak dari pihak diinsuranskan adalah bukan pembekalan barang oleh pihak diinsuranskan.

Pelupusan Barang yang Diserahkan di bawah Tuntutan Insurans

43. Apabila syarikat insurans/pengendali takaful melupuskan barang-barang yang diserahkan, syarikat insurans/pengendali takaful, jika merupakan orang berdaftar, hendaklah bertanggung mengakaun CBP ke atas jualan barang-barang dan berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas pelupusan.

44. Kereta yang telah dihapusira dan diterima oleh syarikat insurans/pengendali takaful sebagai besi buruk, hendaklah diberi layanan yang sama seperti apa-apa barangan lain.

45. Syarikat insurans/pengendali takaful berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas caj penyimpanan, caj trak tunda dan fi lelongan sebagai kredit

cukai input contohnya, sementara menunggu jualan, jika syarikat insurans/pengendali takaful menanggung caj penyimpanan untuk menyimpan kenderaan yang rosak atau musnah, dia berhak untuk menuntut cukai input ke atas pembekalan perkhidmatan tersebut.

Penyelesaian Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

46. Bayaran tunai yang dibuat oleh syarikat insurans (contohnya apabila berlaku kematian, cukup tempoh matang atau polisi dibatalkan) bukan merupakan balasan dari satu pembekalan yang dibuat oleh pihak diinsuranskan. Oleh itu, penyelesaian tuntutan adalah tidak tertakluk kepada CBP. Bagi kes takaful keluarga, bayaran tunai sedemikian dianggap sebagai manfaat yang disifatkan sebagai hibah yang diberikan oleh pengendali takaful kepada pewaris dan juga tidak tertakluk kepada cukai.

Insurans/Takaful Atas Pengangkutan Antarabangsa Barangan dan Penumpang

47. Secara amnya, premium/caruman yang dikenakan untuk perkhidmatan yang terdiri daripada insurans pengangkutan penumpang atau barangan untuk melindungi risiko yang berkaitan dengan pengangkutan antarabangsa adalah berkadar sifar. Walau bagaimanapun, perkhidmatan mengatur perkhidmatan yang serupa adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

48. Bagi pembekalan perlindungan insurans dari satu tempat diluar Malaysia (contoh London) ke satu tempat di dalam Malaysia (contoh Ipoh) dalam satu kontrak insurans, yang meliputi pergerakan barang di peringkat antarabangsa dan dalam negeri, perlindungan insurans dalam negeri adalah tertakluk kepada cukai berkadar sifar.

49. Walau bagaimanapun, layanan CBP adalah berbeza jika terdapat dua kontrak insurans berasingan iaitu satu kontrak insurans kargo marin yang melindungi kerugian yang berlaku ke atas pergerakan barangan kargo dari London ke Pelabuhan Klang dan satu kontrak insurans Barang dalam Perjalanan yang melindungi pergerakan barang dari Pelabuhan Klang ke Melaka. Pembekalan perkhidmatan insurans kargo marin adalah pembekalan berkadar sifar manakala insurans Barang

dalam Perjalanan adalah pembekalan berkadar standard.

50. Untuk barang yang diangkut ke Malaysia dari luar negara, pembekalan perkhidmatan insurans ke atas barangan tersebut tidak kira sama ada pemegang polisi berada di Malaysia atau di luar negara adalah pembekalan berkadar sifar.

51. Pembekalan insurans am yang melindungi risiko dari satu tempat di Malaysia ke satu tempat di Malaysia (pengangkutan dalam negeri), adalah pembekalan yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

52. Contoh polisi yang layak untuk kadar sifar termasuk insurans kargo marin atau udara, insurans badan kapal terbang/kapal laut, dan insurans perjalanan yang dapat dikenal pasti atau terlibat dengan perjalanan antarabangsa.

Kawasan Ditetapkan (Labuan, Langkawi atau Tioman)

53. Secara amnya, apa-apa perkhidmatan insurans am dan insurans semula yang dibekalkan oleh syarikat insurans/pengendali takaful yang berada di Kawasan Utama Kastam (KUK) bagi melindungi risiko di Kawasan Ditetapkan adalah perkhidmatan berkadar standard. Layanan yang sama juga dikenakan sekiranya perkhidmatan yang serupa dibekalkan dari Kawasan Ditetapkan ke KUK di mana ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sila rujuk kepada Panduan CBP ke atas Kawasan Ditetapkan untuk keterangan lanjut.

54. Walau bagaimanapun, jika syarikat insurans/pengendali takaful berada di Kawasan Ditetapkan (mempunyai suatu establismen tetap) dan menyediakan perkhidmatan insurans/takaful di Kawasan Ditetapkan (risiko yang dilindungi adalah di Kawasan Ditetapkan) kepada penerima di Kawasan Ditetapkan, pembekalan perkhidmatan tersebut adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Contoh 21:

Labuan ABE Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Labuan menyediakan insurans bangunan kepada pelanggan di Labuan di mana bangunan yang berkenaan itu terletak di Labuan. Pembekalan perkhidmatan itu tidak tertakluk kepada CBP.

Contoh 22:

Labuan ABE Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Labuan menyediakan insurans bangunan kepada pelanggan di Labuan di mana bangunan yang berkenaan itu terletak di Kota Kinabalu, Sabah. Pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP.

Contoh 23:

JKM Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Butterworth menyediakan perkhidmatan insurans kepada pelanggan di Langkawi dan perlindungan adalah di Kawasan Ditetapkan. Pembekalan perkhidmatan itu tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 24:

JKM Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Butterworth menyediakan perkhidmatan insurans kepada pelanggan di Langkawi dimana perlindungan adalah termasuk Kawasan Ditetapkan dan KUK. Pembekalan perkhidmatan itu tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 25:

Labuan ABE Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Labuan menyediakan perkhidmatan insurans kepada pelanggan di Kota Kinabalu di mana liputan adalah di Kawasan Ditetapkan. Pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 26:

Labuan ABE Insurance Sdn Bhd yang beroperasi di Labuan menyediakan perkhidmatan insurans kepada pelanggan di Kota Kinabalu di mana liputan adalah termasuk Kawasan Ditetapkan dan KUK. Pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

55. Tambahan kepada itu, pembekalan perkhidmatan insurans berhubung dengan kargo untuk dieksport, atau kapal terbang dan kapal laut yang meninggalkan Kawasan Ditetapkan ke kawasan luar Malaysia adalah berkadar sifar.

Syarikat Insurans/Takaful di Luar Pesisir (Labuan)

56. Syarikat insurans/takaful di luar pesisir (Labuan) dikehendaki berdaftar jika:

- (a) mereka membekalkan perkhidmatan bercukai insurans/takaful untuk melindungi risiko yang berada di dalam Kawasan Utama Kastam (KUK) atau di luar Malaysia; dan
- (b) perolehan tahunan bercukai melebihi nilai ambang ditetapkan.

57. Syarikat insurans /pengendali takaful luar pesisir akan dikenakan CBP pada kadar standard untuk pembekalan bercukai yang di sumberluarkan kepada pembekal di KUK. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat insurans/pengendali takaful sumberluarkan perkhidmatan bercukai kepada pembekal di luar Malaysia, maka syarikat insurans itu tidak akan dikenakan CBP.

58. Perkhidmatan insurans/takaful untuk melindungi sesuatu risiko di luar Malaysia tidak tertakluk kepada CBP tetapi kredit cukai input boleh dituntut.

Pembekalan Campuran dan Layanan CBP

59. Sekiranya syarikat insurans/pengendali takaful menyediakan produk hayat dan produk am yang dapat dikenal pasti secara berasingan:

- (a) dikenakan CBP pada produk / pelan am dan tuntutan kredit cukai input yang dapat dihubungkan dengan pembekalan perkhidmatan itu ; dan
- (b) tidak mengenakan CBP atas produk/pelan hayat dan tidak layak untuk tuntutan kredit cukai input yang dapat dihubungkan dengan pembekalan perkhidmatan itu.

Perantara bagi Produk Insurans atau Takaful

60. Perantara dalam pasaran insurans dan produk takaful adalah seperti berikut:

(a) **Agen Insurans/Takaful**

Pembekalan yang dibuat oleh agen insurans/takaful yang mewakili prinsipal (syarikat insurans) adalah dianggap sebagai pembekalan kepada atau oleh principal.

Agen insurans/takaful tidak perlu mengakaunkan CBP yang dikenakan ke atas premium/caruman. Walaubagaimanapun, agen tersebut membuat pembekalan perkhidmatan agen kepada syarikat insurans dengan menerima komisen atau fi sebagai balasannya. Fi atau komisen ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Perbelanjaan perkhidmatan agen yang ditanggung dan dikenakan oleh syarikat insurans/pengendali takaful adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Sebarang bonus pengeluaran / bonus persistensi yang diterima oleh agen insurans adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(b) **Broker Insurans/Takaful**

Pembekalan perkhidmatan oleh broker insurans/takaful kepada pelanggan seperti khidmat nasihat atau konsultasi di mana cajnya adalah dalam bentuk komisen, fi brokeraj atau brokeraj/komisen insurans semula adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(c) **Bancassurance/ Bancatakaful**

Komisen yang diterima oleh bank yang bertindak sebagai agen insurans/takaful adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(d) **Penasihat Kewangan**

Pembekalan perkhidmatan berbentuk nasihat kewangan dan perantara yang diberi oleh seorang penasihat kewangan adalah pembekalan

bercukai. Maka, sebarang komisen yang diperolehinya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(e) Perantara Yang Lain

Perantara yang lain adalah termasuk agen pelancongan yang menjual insurans percutian, pemberi pinjam gadaian yang menjual insurans berkaitan rumah, agen hartanah, jurujual kereta, peguambela dan peguamcara, dan peruncit yang memasarkan produk insurans atau takaful. Justeru, sebarang komisen yang diperolehinya dalam bentuk perkhidmatan pemulaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Fi pelesenan untuk syarikat insurans, pengendali takaful, broker dan pelaras kerugian yang dikawalselia dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Perbelanjaan lain yang berkaitan dengan agen insurans atau takaful

61. Sesetengah polisi insurans/sijil/nota perlindungan dikeluarkan oleh agen bagi pihak syarikat insurans contohnya insurans motor memerlukan premium dibayar dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pengeluaran dokumen tersebut kepada syarikat insurans. Jika pihak yang diinsuranskan gagal membayar pada masa yang ditetapkan, agen biasanya akan membuat pembayaran kepada syarikat insurans dan kemudiannya mendapatkan balik amaun tersebut daripada pihak yang diinsuranskan dengan mengeluarkan invois agen untuk tujuan bil kepada pihak yang diinsuranskan bagi premium insurans yang telah dibayar dengan tiada peningkatan harga kepada polisi insurans/sijil/nota perlindungan asal yang dikeluarkan sebelum ini.


62. Untuk tujuan CBP, jika pihak yang membayar perbelanjaan tersebut bertindak sebagai agen semata-mata, perolehan semula perbelanjaan dikenali sebagai perbelanjaan lain. Perolehan semula perbelanjaan bukan merupakan suatu pembekalan yang dibuat oleh agen itu dan dengan itu tidak akan tertakluk kepada CBP. Layanan ini terpakai jika agen itu:

- (a) telah membantu mengatur pembekalan barangan atau perkhidmatan dan membayar premium bagi pihak yang diinsuranskan dan bukan pihak kepada kontrak itu; dan
- (b) kemudiannya menyerahkan kos premium yang berkaitan kepada pihak yang diinsuranskan tanpa peningkatan harga di mana kos layak sebagai *'strict pass-through cost'*.

63. Agen boleh mengeluarkan invoice kepada pihak yang diinsuranskan untuk mendapatkan balik jumlah premium dan ia tidak tertakluk kepada CBP. Pihak yang diinsuranskan boleh menuntut kredit cukai inputnya bagi pembekalan perkhidmatan insurans dengan menggunakan polisi insurans/sijil/nota perlindungan yang dikeluarkan kepadanya dengan syarat ia mengandungi butir-butir invoice cukai.

64. Agen tidak berhak kepada apa-apa tuntutan cukai input memandangkan barang atau perkhidmatan tidak dibekalkan oleh agen tetapi oleh syarikat insurans.

65. Ilustrasi di bawah menunjukkan transaksi yang berkaitan dengan agen insurans berdaftar CBP dan syarikat insurans dan pelanggan mereka di mana perbelanjaan lain bukan pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.



Lain-lain Pembekal Perkhidmatan Sampingan Insurans dan Takaful

66. Pihak yang membekalkan perkhidmatan sampingan kepada perniagaan insurans dan takaful dan layanan CBP keatas perkhidmatan mereka adalah seperti berikut:

(a) **Pelaras Kerugian/Penilai Kerugian**

Mereka adalah individu bebas yang dibayar suatu fi perkhidmatan oleh syarikat insurans atau pihak diinsuranskan untuk menilai amaun yang kena dibayar untuk sesuatu tuntutan. Dibawah CBP, pembekalan perkhidmatan untuk menilai sesuatu kerugian atau untuk menyelesaikan suatu tuntutan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(b) **Juru ukur Kapal atau Pesawat**

Perkhidmatan meninjau, memeriksa dan menyiasat yang dilakukan oleh juru ukur adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Tetapi sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dilakukan ke atas kapal atau pesawat yang ke luar negara, maka perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah pembekalan bercukai pada kadar sifar.

(c) **Penyiasat Insurans**

Perkhidmatan penyiasatan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sekiranya syarikat insurans mempunyai pasukan penyiasat dalaman, CBP tidak dikenakan ke atas perkhidmatan siasatan tersebut oleh kerana ia bukan satu pembekalan perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh penyiasat persendirian atau firma siasatan kepada syarikat insurans, ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(d) **Agen insurans bertindak bagi pihak prinsipal yang tidak berada di Malaysia**

Sekiranya agen (contohnya Exim Bank) membekalkan insurans kredit eksport bagi pihak prinsipal yang tidak berada di Malaysia, pembekalan tersebut dianggap sebagai dibuat oleh agen (Exim Bank) kepada pihak diinsuranskan. Pembekalan tersebut merupakan pembekalan bercukai yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan agen mesti mengakaun cukai ke atas pembekalan tersebut. Perkhidmatan agen yang dibuat di Malaysia dan dikenakan kepada syarikat insurans/pengendali takaful asing adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

KREDIT CUKAI INPUT

67. Kredit input cukai yang ditanggung dalam menguruskan insurans am atau dana takaful am, yang berkaitan dengan pengeluaran kontrak insurans am atau takaful am boleh dituntut.

Aktiviti penyumberluaran

68. Contoh-contoh aktiviti yang biasa disumberluarkan oleh syarikat insurans adalah seperti berikut:

- (a) Pengurusan tuntutan yang merupakan sebahagian daripada kontrak penyumberluaran bagi fungsi *back office* seperti penyelesaian tuntutan dan tuntutan pemulihan subrogasi;
- (b) Pengurusan premium seperti kutipan premium;
- (c) Perkhidmatan pemasaran dan pelanggan;
- (d) Perkhidmatan teknologi maklumat;
- (e) Pelaburan dan pengurusan dana seperti perkhidmatan penjagaan (*custodian*), kawalan kredit, pengurusan hartanah, pengurusan risiko kewangan dan operasi;
- (f) Perakaunan dan pengauditan dalaman;
- (g) Perkhidmatan perunding teknikal;
- (h) Pentadbiran am seperti perkhidmatan korporat, pentadbiran agensi, sumber manusia, pemerosesan data dan dokumen; dan
- (i) Perkhidmatan portal *e-Cover* atas talian, program bantuan auto dan laman sesawang portal marin.

69. Bagi pembekalan bercukai yang disumberluarkan oleh syarikat insurans, beliau akan dikenakan CBP pada kadar standard dan cukai inputnya boleh di tuntutan kembali sepenuhnya sekiranya beliau membekalkan insurans am sahaja. Walau bagaimanapun, beliau mesti menggunakan kaedah agihan jika dia adalah pembekal campuran (hayat dan am).

70. Sekiranya syarikat insurans membekalkan kedua-dua insurans hayat dan insurans am, dia tidak berhak kepada kredit cukai input berhubung dengan pemberian pinjaman dan transaksi berkaitan dengan pelaburan yang mana dia memperolehi pendapatan dalam bentuk faedah atau pendapatan pelaburan. Transaksi sebegitu adalah pembekalan yang dikecualikan.

71. Cukai input yang ditanggung oleh orang kena cukai bagi pembekalan pembaikan, penyenggaraan dan baik pulih motokar penumpang adalah cukai input yang disekat.

72. Pembayaran tuntutan yang dibuat oleh syarikat insurans yang telah menanggung cukai input berkenaan dengan pembekalan itu adalah juga cukai input disekat dan syarikat insurans tidak layak untuk menuntut cukai input yang disifatkan.

PELARASAN HARTA MODAL

73. Pelarasan harta modal adalah terpakai kepada syarikat insurans atau pengendali takaful yang membuat kedua-dua pembekalan yang bercukai (insurans am/takaful am) dan yang dikecualikan (insurans hayat/takaful keluarga). Walau bagaimanapun, sekiranya mereka membuat pembekalan yang bercukai keseluruhannya, pelarasan harta modal tidak terpakai kepada mereka.

74. Syarikat insurans atau pengendali takaful yang merupakan pembekal yang membuat pembekalan separa dikecualikan atau pembekal komposit dikehendaki untuk memperuntuk dan mengagih penggunaan aset berdasarkan penggunaan bercukai aset tersebut. Oleh itu, mereka dikehendaki untuk:

- (a) menjejak dan memantau penggunaan aset bernilai RM100,000 dan ke atas dalam menyediakan pembekalan bercukai; dan
- (b) membuat pelarasan (jika ada) secara tahunan.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Panduan CBP ke atas Pelarasan Harta Modal.

BIL KENDIRI KE ATAS KOMISEN

75. Syarikat insurans dan pengendali takaful boleh menggunakan bil sendiri untuk pembekalan perkhidmatan agen insurans/takaful (komisen agen) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

-
- (a) Dibenarkan antara syarikat insurans/pengendali takaful dan agen mereka di mana keduanya adalah orang berdaftar CBP;
 - (b) Syarikat insurans/pengendali takaful menentu dan mengesahkan nilai terakhir komisen yang dibayar kepada agen;
 - (c) Syarikat insurans/pengendali takaful menyediakan invois cukai bagi pihak agen, untuk perkhidmatan yang disediakan oleh agen;
 - (d) Agen insurans/takaful bersetuju untuk tidak mengeluarkan invois cukai bagi pembekalan perkhidmatan mereka kepada syarikat insurans/pengendali takaful;
 - (e) Syarikat insurans/pengendali takaful dan agen bersetuju secara bertulis untuk invois bil sendiri; dan
 - (f) Syarikat insurans/pengendali takaful bersetuju untuk mengeluarkan invois bil sendiri untuk semua pembekalan yang dibuat kepadanya oleh pihak agen untuk tempoh yang dinyatakan, yang akan berakhir tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh dua belas (12) bulan, atau tarikh tamat tempoh kontrak di antara syarikat insurans/pengendali takaful dan agen.

76. Apabila syarikat insurans atau pengendali takaful perlu membuat pelarasan pembayaran kepada agen kemudiannya, dia tidak boleh mengeluarkan nota kredit bil sendiri atau nota debit bil sendiri. Pihak agen dikehendaki untuk mengeluarkan nota kredit atau nota debit.

77. Apabila syarikat insurans atau pengendali takaful menyerahkan polisi kepada penanggung insurans semula, dia juga boleh mendapatkan kebenaran dari Ketua Pengarah untuk menggunakan bil sendiri (sebagai invois cukai yang akan dikeluarkan oleh penerima pembekalan bercukai) bagi pembekalan perkhidmatan insurans semula.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Panduan CBP ke atas Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod. .

MASA PEMBEKALAN BAGI PREMIUM DAN KOMISEN

78. Masa pembekalan merujuk kepada masa di mana pembekalan dibuat oleh syarikat insurans yang dianggap sebagai telah berlaku. Walau bagaimanapun kaedah seperti di bawah akan menentukan bila suatu cukai output perlu diakaunkan ke atas premium dan komisen.

79. Sekiranya premium dibayar sekaligus atau secara berkala (contohnya premium dibayar mengikut jadual yang ditetapkan – setiap suku tahun), masa pembekalan adalah mengikut mana-mana terdahulu atau cukai output hendaklah diakaunkan mengikut mana-mana terdahulu

- (a) apabila invois cukai dikeluarkan; atau
- (b) apabila bayaran diterima

80. Ini akan memudahkan polisi berisiko tinggi yang memerlukan masa yang lebih lama untuk memuktamadkan terma-terma perlindungan, dalam insurans bersama, pengaturan dalaman insurans semula fakultatif/*treaty* atau pengaturan perlindungan terbuka marin.

81. Pengeluaran invois berkaitan dengan kadar premium yang dikenakan akan mencetuskan masa pembekalan perkhidmatan yang dibuat oleh syarikat insurans atau pengendali takaful. Invois tersebut adalah merupakan invois cukai atau apa-apa dokumen yang berfungsi sebagai bil untuk pembayaran dengan syarat ia mengandungi butir-butir yang ditetapkan. Sila rujuk kepada Panduan Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod yang menerangkan butir-butir tersebut.

82. Bagi kebanyakan transaksi, cukai output hendaklah diakaunkan ke atas brokeraj/komisen (termasuk komisen bertingkat atau lain-lain produk berkaitan bayaran) yang terakru kepada broker/agen mengikut mana-mana yang terdahulu berlakunya perkara berikut:

- a. apabila invois cukai dikeluarkan; atau
- b. apabila bayaran diterima.

83. Pengeluaran apa-apa jenis invois akan menjadi punca yang mencetuskan masa pembekalan yang termasuk:

- (a) invois cukai atau apa-apa dokumen yang berfungsi sebagai bil untuk pembayaran bagi pembekalan yang dibuat oleh pembekal berdaftar CBP (contohnya nota debit); atau
- (b) invois cukai dikeluarkan oleh broker/agen berdaftar CBP atau syarikat insurans di bawah pengaturan bil sendiri.

84. Broker/agen boleh mengeluarkan nota debit untuk memungut premium daripada pihak diinsuranskan bagi pihak syarikat insurans tetapi nota debit ini tidak boleh dianggap sebagai invois cukai yang dikeluarkan oleh syarikat insurans. Oleh itu, nota debit yang dikeluarkan oleh broker/agen bukanlah invois cukai untuk tujuan CBP. Broker harus menunjukkan pernyataan berikut pada nota debit tersebut "Ini bukan invois cukai. Invois cukai syarikat insurans akan dihantar kepada anda dalam masa terdekat."

PERATURAN PERALIHAN

Pembekalan Insurans dan Takaful Melangkaui 1 April 2015

85. Sekiranya pembekalan insurans/takaful am melibatkan pembayaran premium/caruman secara berperingkat atau berkala yang melangkaui tarikh 1 April 2015, maka CBP hanya akan dikenakan ke atas pembekalan yang dibuat pada atau selepas 1 April 2015.

Contoh 27:

- i. Premium insuran* : RM3,600.00
- ii. Tempoh polisi insurans* : 1 Julai 2014 sehingga 30 Jun 2015
- iii. Nilai tertakluk kepada CBP* : RM900 (3/12 x RM3,600)
- iv. CBP dikenakan* : RM54 (6% x RM900)

Contoh 28:

Syarikat insurans hayat menjual suatu polisi insurans hayat bersama dengan polisi kemalangan diri sebelum 1 April 2015 kepada seorang individu dan polisi ini melangkaui tarikh pelaksanaan CBP. Syarikat insurans hayat perlu mengakaunkan CBP ke atas polisi kemalangan diri untuk tempoh perlindungan mulai 1 April 2015 setakat amaun premium meliputi polisi kemalangan diri tersebut kerana polisi kemalangan diri adalah suatu pembekalan bercukai.

86. Walau bagaimanapun, sekiranya peruntukan insurans/takaful telah dikenakan cukai perkhidmatan, pembekalan yang dibuat pada atau selepas **1 April 2015** adalah tidak tertakluk kepada CBP.

87. Di samping itu, jika terdapat dasar di mana cukai perkhidmatan telah dikenakan, dipungut dan dibayar kepada Kastam sebelum **1 April 2015** tetapi kemudiannya dibatalkan selepas tarikh tersebut, syarikat insurans boleh membuat tuntutan pulang balik cukai perkhidmatan yang telah dibayar.

Kejadian yang diinsuranskan Sebelum 1 April 2015

88. Penetapan insurans boleh melangkaui **1 April 2015**. Sebagai contoh, tuntutan penyelesaian insurans dibuat bagi sesuatu peristiwa yang berlaku sebelum tarikh 1 April 2015, tetapi penyelesaian tuntutan tersebut mungkin tidak berlaku sehinggalah selepas tarikh 1 April 2015. Dalam keadaan ini, secara umumnya syarikat insurans tidak berhak untuk menuntut cukai input yang disifatkan bagi apa-apa penyelesaian tuntutan bagi satu kejadian yang terjadi sebelum tarikh 1 April 2015.

Pelepasan CBP atas Perkhidmatan Insurans yang Melangkaui 1 April 2015

89. Perkhidmatan insurans atau takaful tertentu diberi pelepasan cukai adalah seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan insurans kenderaan atau takaful kenderaan tertentu yang terdiri daripada perlindungan pihak ketiga, kebakaran dan kecurian dan polisi yang komprehensif dibekalkan (dijual) sebelum 1 April 2015 dan perlindungan melangkaui 1 April 2015,
- (b) Insurans asas kebakaran atau perkhidmatan takaful kebakaran dan polisi pemilik rumah dibekalkan (dijual) sebelum 1 April 2015 dan perlindungan melangkaui 1 April 2015.

Walaupun bagaimanapun, polisi pemegang rumah dibekalkan (dijual) sebelum 1 April 2015 dan perlindungan melangkaui 1 April 2015 adalah tertakluk kepada CBP.

ISU KHUSUS MELIBATKAN INSURANS ATAU TAKAFUL

Bayaran Balik Premium

90. Bayaran balik yang dibuat oleh syarikat insurans kepada pihak yang diinsuranskan boleh digunakan sebagai bayaran untuk mengurangkan premium yang perlu dibayar. Syarikat insurans tidak boleh mengurangkan nilai perkhidmatan mereka dan cukai output yang berkaitan apabila bayaran balik dibuat sekiranya berlaku peristiwa yang diinsuranskan atau peristiwa selain daripada peristiwa yang diinsuranskan, contohnya tiada tuntutan dibuat, atau penamatan pelan polisi selepas minimum beberapa tahun yang ditetapkan dll.

91. Bayaran balik boleh dianggap sebagai diskaun terhadap premium insurans jika pembayaran balik adalah berkaitan dengan pembaharuan kontrak insurans dan bayaran balik ditolak daripada premium. CBP ke atas premium yang berikutnya boleh diakaunkan atas premium bersih yang perlu dibayar.

Polisi Berkaitan Pelaburan

92. Syarikat insurans hayat menawarkan polisi berkaitan pelaburan dengan gabungan elemen perlindungan dan pelaburan dan untuk tujuan CBP adalah dikira sebagai suatu pembekalan tunggal polisi hayat dan premium bagi polisi berkaitan pelaburan adalah dikecualikan daripada cukai.

93. Premium yang diterima daripada pemegang polisi biasanya dilabur dalam dana berkaitan pelaburan yang diuruskan secara profesional. Apabila syarikat insurans mengenakan caj seperti fi pengurusan dana, yuran penyerahan balik, yuran penebusan, untuk membayar kos mentadbir polisi-polisi berkaitan pelaburan, beliau membuat suatu pembekalan perkhidmatan bercukai dan caj itu tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Mendapatkan Semula Perbelanjaan Perubatan daripada Agen/Pemegang Polisi

94. Syarikat insurans mungkin memerlukan pihak diinsuranskan yang berpotensi untuk menjalani pemeriksaan kesihatan bagi menentukan profil risiko pihak yang diinsuranskan dan premium yang diperlukan untuk menaja jamin polisi tersebut. Syarikat insurans biasanya akan menanggung kos perubatan yang berkaitan dengan pemeriksaan wajib yang dilakukan oleh pihak yang diinsuranskan. Jika syarikat insurans mendapatkan balik kos itu daripada pihak yang diinsuranskan atau agen, mendapatkan balik seumpama itu dikira sebagai suatu pembekalan bercukai dan dikenakan CBP.


Pentadbir Tuntutan Pihak Ketiga (PTK)

95. Fi PTK yang dikenakan kepada syarikat insurans atau pelanggan korporat yang lain bagi perkhidmatan memproses perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh pemegang polisi atau pekerja kepada pelanggan korporat adalah pembekalan perkhidmatan yang bercukai. Selain itu, jenis urusan oleh PTK dan layanan CBP yang berkaitan adalah seperti berikut:

Model 1:


Pembekalan perkhidmatan perubatan kepada pemegang polisi (pembekalan dikecualikan) Tuntut daripada PTK

Pembayaran bagi tuntutan perubatan (bukan pembekalan)



Model 2:

Pembekalan perkhidmatan perubatan kepada pemegang polisi (pembekalan dikecualikan) Tuntut daripada syarikat insurans



Wang Yang Tidak Dikenalpasti Dikumpul Oleh Syarikat Insurans

96. Syarikat insurans mungkin tidak dapat mengenal pasti jumlah premium yang dibayar kepada mereka dan yang diletakkan di dalam akaun tergantung (wang yang

tidak dikenalpasti). Oleh itu, syarikat insurans tidak dapat memastikan amaun CBP perlu dibayar bagi premium itu sehingga pemegang polisi memaklukkannya kepada syarikat insurans tersebut.

97. Bagi tujuan CBP, syarikat insurans dibenarkan untuk menggunakan peratusan atas wang yang tidak dikenalpasti yang diterima bagi mengakaunkannya dalam penyata CBP. Apabila premium telah dikenal pasti, syarikat insurans perlu membuat pelarasan yang diperlukan dalam tempoh bercukai semasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Premium yang tidak dikenalpasti perlu diakaunkan dalam tempoh satu tahun dari tarikh penerimaan wang itu.
- (b) Syarikat insurans perlu mengakaunkan CBP berdasarkan peratusan dalam penyata. Jika syarikat insurans telah terkurang bayar CBP, mereka perlu mengakaunkan jumlah yang terkurang bayar dalam penyata CBP bagi tempoh bercukai berikutnya.
- (c) Syarikat insurans mesti menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan transaksi wang yang tidak dikenalpasti yang berkaitan.

SOALAN LAZIM

Produk Insurans, Premium dan Fi

S1: Bagaimanakah CBP dikira ke atas premium polisi am yang dijual kepada orang berdaftar?

J1: CBP yang ditanggung adalah seperti contoh di bawah:

Contoh :

Premium Asas		780.00
Loading		300.00
Jumlah		<u>1,080.00</u>
NCD	(-) 450.00	
Premium Kasar		630.00
Rebat	(-) 40.00	590.00
CBP (6%)		35.40
Duti Stem		10.00
Premium Kena Dibayar		<u>635.40</u>

S2: Syarikat insurans/pengendali takaful menjual polisi insurans liabiliti kepada pembina kapal bagi melindungi semua peringkat kerja termasuk penundaan (*towing*), *hook up*, pemasangan dan proses *commissioning*. Pembina kapal menjalankan perkhidmatan pengubahsuaian kapal di dermaga kapal tempatan untuk pemilik kapal asing dan akhirnya menunda kapal itu ke perairan antarabangsa bagi faedah pemilik kapal asing itu. Apakah layanan CBP ke atas premium tunggal bagi pelan insurans dimana pelan itu boleh diperbaharui setiap tahun?

J2: Polisi insurans liabiliti pembina kapal adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S3: Di bawah garis panduan bagi perkhidmatan kewangan Islam ke atas matawang antarabangsa yang dikeluarkan oleh Bank Negara, pengendali takaful antarabangsa yang berlesen (*ITO*) yang diperbadankan sebagai

suatu entiti/cawangan di Malaysia boleh menjalankan perniagaan takaful dan retakaful am dan keluarga secara bergabung dalam bentuk bukan ringgit. Pada masa ini, ITO menikmati pengecualian penuh ke atas cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun. Adakah perkhidmatan itu mendapat layanan yang serupa di bawah CBP?

J3: Pembekalan bercukai oleh ITO tidak diberi pengecualian CBP.

S4: Apakah implikasi CBP ke atas polisi kemalangan diri kepada murid-murid di sekolah awam atau swasta, kolej, universiti dan institusi pelajaran tinggi yang lain?

J4: Polisi insurans yang dijual kepada pelajar di institusi pendidikan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S5: Apakah implikasi CBP ke atas polisi kemalangan diri yang dibeli oleh MARA daripada penanggung insurans tempatan/pengendali takaful untuk perlindungan insurans ke atas penerima biasiswa yang melanjutkan pelajaran di universiti dan institusi pendidikan tinggi lain di Australia?

J5: Pembekalan insurans kemalangan diri berkumpulan kepada pelajarinya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S6: Apakah implikasi CBP ke atas polisi kemalangan diri yang dibeli oleh Institusi Pendidikan dari Indonesia daripada syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia untuk menginsuranskan pelajarinya yang belajar di universiti dan institusi pelajaran tinggi yang lain di Malaysia?

J6: Pembekalan KD berkumpulan kepada Institusi Pendidikan dari Indonesia untuk pelajarinya di Malaysia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S7: Apakah implikasi CBP bagi pelan polisi kemalangan diri yang dijual secara pakej bersama barang atau perkhidmatan lain yang bercukai?

J7: Pembekal tidak perlu membuat agihan ke atas caj tunggal tersebut kerana pembekalan barang atau perkhidmatan dan kemalangan diri adalah pembekalan bercukai. CBP dikenakan ke atas caj pakej. Walau

bagaimanapun, jika pakej itu mengandungi insurans am dan pembekalan yang dikecualikan, pembekal dikehendaki mengagihkan caj itu mengikut bahagian pembekalan dikecualikan dan bercukai. Bahagian pembekalan yang dikecualikan adalah tidak tertakluk kepada CBP, manakala bahagian pembekalan insurans am dikenakan CBP pada kadar standard.

S8: Apakah implikasi CBP jika pelan polisi hayat dijual secara pakej bersama lain-lain barang bercukai?

J8: Memandangkan polisi hayat adalah pembekalan yang dikecualikan dan pembekalan barang adalah bercukai, pembekal dikehendaki mengagihkan caj pakej berkaitan. CBP tidak dikenakan ke atas bahagian pembekalan yang dikecualikan, manakala bahagian bagi pembekalan bercukai dikenakan CBP pada kadar standard.

S9: Apakah implikasi CBP ke atas premium insurans am untuk melindungi harta yang berada di luar Malaysia?

J9: Premium itu tidak dikenakan CBP kerana harta yang berada di luar Malaysia adalah pembekalan berkadar sifar.

S10: Apakah implikasi CBP ke atas premium insurans am untuk melindungi hartanah di Malaysia yang dimiliki oleh orang asing dan orang itu tiada di Malaysia pada masa perlindungan insurans dikuatkuasakan?

J10: Premium yang dikenakan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S11: Adakah fi pendaftaran tahunan yang dikenakan ke atas syarikat insurans dan pengendali takaful yang masing-masing ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dikenakan CBP?

J11: Tidak, fi kawalselia sedemikian tidak dikenakan CBP. Layanan yang sama juga diberi kepada keperluan fi pelesenan ke atas syarikat insurans di luar pesisir yang dikawalselia oleh Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 (LFSSA) atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (LIFSSA), iaitu CBP tidak dikenakan ke atas fi tersebut.

S12: Apakah layanan CBP ke atas fi pembatalan polisi yang dikenakan dan nilai tunai yang dibayar oleh syarikat insurans/pengendali takaful apabila polisi dikembalikan oleh pemegang polisi?

J12: Fi pembatalan dikenakan CBP pada kadar standard, manakala pembayaran nilai tunai tidak tertakluk kepada CBP.

S13: Apakah implikasi CBP ke atas polisi *stand-alone non-life* yang dikeluarkan oleh syarikat insurans hayat atau pengendali takaful keluarga?

J13: *Stand-alone non-life riders* adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S14: Adakah pembekalan perkhidmatan reinsurans hayat atau retakaful keluarga oleh syarikat insurans di luar pesisir kepada penerima di Kuala Lumpur tertakluk kepada CBP?

J14: Syarikat itu tidak perlu mendaftar kerana pembekalan perkhidmatan tersebut adalah pembekalan dikecualikan. Walau bagaimanapun, jika syarikat itu membekalkan perkhidmatan insurans bercukai kepada penerima di Kawasan Utama Kastam (KUK), mereka perlu mendaftar apabila perolehan bercukai tahunan syarikat melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

S15: Dibawah skim persaraan, seorang ahli skim tersebut menyumbang kepada syarikat insurans nyawa/pengendali takaful yang menguruskan skim tersebut. Pada masa skim tersebut matang, syarikat insurans/pengendali takaful akan membayar kepada ahli tersebut wang bagi skim tersebut yang terkumpul bersama dengan faedah yang diperolehi sekaligus atau dalam beberapa siri bayaran. Adakah sumbangan dan bayaran tersebut tertakluk kepada CBP?

J15: Sumbangan yang dibuat oleh ahli skim persaraan dan bayaran yang dibuat oleh syarikat insurans/pengendali takaful adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S16: Saya membekalkan pelan takaful berkaitan pelaburan (*investment-linked takaful*) atau insurans berkaitan pelaburan (*investment-linked insurance*)

dan mengenakan fi seperti kos penubuhan/caj permulaan (untuk pengeluaran dan pemasaran polisi), fi pengurusan bulanan dan fi portfolio bulanan (untuk mengurus pelaburan dana), fi polisi (kos pentadbiran berterusan terhadap pelan premium) and fi pengendalian bank kepada pemegang polisi saya. Adakah fi itu tertakluk kepada CBP?

J16: Pengenaan fi itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S17: Apakah implikasi CBP ke atas pembatalan polisi insurans am yang melibatkan pemulangan balik premium kepada pemegang polisi?

J17: Syarikat insurans/pengendali takaful perlu mengeluarkan nota kredit apabila dia membayar balik premium, seterusnya membuat pelarasan ke atas akaunnya dan mengurangkan cukai output dalam penyata bagi tempoh bercukai dimana nota kredit dikeluarkan.

S18: Fi dikenakan untuk memproses penamatan pelan keluarga sama ada secara berkumpulan atau individu kerana telah luput tempoh perlindungan dan lain-lain sebab seperti menukar kepada pelan yang lain. Adakah fi tersebut tertakluk kepada CBP?

J18: Ya, fi tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S19: Adakah insurans am yang dijual kepada pertubuhan bukan berasaskan keuntungan atau pertubuhan amal tertakluk kepada CBP?

J19: Ya, perkhidmatan insurans tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S20: Saya seorang penginsurans marin berdaftar CBP dan saya menyediakan insurans badan kapal dan jentera serta insurans kapal untuk kapal laut, vesel atau kapal layar pelanggan saya. Adakah insurans am itu tertakluk kepada GST?

J20: Perkhidmatan insurans anda yang meliputi perlindungan untuk kapal-kapal, vesel atau kapal layar samada tempatan ataupun asing adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sekiranya pembekalan perlindungan

insurans untuk kapal-kapal, vesel atau kapal layar tersebut adalah untuk pelayaran di luar perairan Malaysia, ia merupakan suatu pembekalan berkadar sifar. Misalnya, perlindungan insuran kapal adalah untuk melindungi kapal yang berlayar daripada Pelabuhan Klang ke pelabuhan-pelabuhan di luar Malaysia sahaja dan bukannya daripada Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Kota Kinabalu dan kemudiannya menuju ke Pelabuhan Muara, Brunei.

S21: Bagi Polisi Tanggungan Pengarah dan Pegawai (D&O), premium terbahagi kepada dua di mana syarikat membayar 95% dan pengarah membayar 5%. Kini, syarikat insurans mengeluarkan polisi kepada syarikat dan nota debit kepada kedua-dua syarikat dan pengarah berdasarkan peratusan 95% dan 5% masing-masing. Beberapa syarikat insurans ada mengeluarkan satu nota debit untuk polisi tersebut dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas komponen 95% kerana 5% lagi akan dibayar oleh pengarah. Adakah kedua-dua komponen premium ini tertakluk kepada CBP selepas 1 April 2015?

J21: Di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas entiti bukan perniagaan iaitu para pengarah di mana ia berkaitan dengan pembekalan perkhidmatan insurans. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa 1 April 2015, kedua-dua komponen premium adalah tertakluk kepada CBP.

Masa Pembekalan

S22: Saya adalah syarikat insurans yang berdaftar CBP, menyediakan perlindungan insurans untuk projek mega bermula 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2018 dan mengeluarkan invois cukai untuk premium pada 15 Jun 2015. Kelewatan adalah disebabkan oleh pengunderaitan elemen risiko dan perlindungan. Bilakah masa pembekalan saya?

J22: Masa pembekalan anda ialah pada masa anda mengeluarkan invois cukai iaitu pada 15 Jun 2015.

S23: Bilakah bayaran dianggap sebagai diterima oleh saya dalam kes di mana saya (syarikat insurans berdaftar CBP) diperlukan untuk mengakaunkan CBP apabila saya menerima bayaran premium daripada agen saya?

J23: Pembayaran premium dianggap sebagai diterima apabila pembayaran diterima oleh syarikat insurans. Contoh, agen menerima cek dari pihak yang diinsuranskan pada 28 April 2015, syarikat insurans menerima cek daripada agen pada 2 Mei 2015, pembayaran dianggap sebagai diterima pada 2 Mei 2015.

Pembekalan Campuran dan Layanan CBP

S24: Apakah layanan CBP ke atas pelan insurans perubatan dan pelan kemalangan diri?

J24: Insurans perubatan dan pelan kemalangan diri adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Layanan yang sama diberi kepada produk serupa yang dibekalkan oleh pengendali takaful am dan pengendali takaful keluarga.

S25: Apakah implikasi CBP ke atas polisi bukan-hayat (polisi kemalangan diri, perubatan dan kesihatan) yang disertakan kepada polisi insurans hayat individu atau berkumpulan?

J25: Premium yang dikenakan ke atas polisi bukan-hayat adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard, manakala premium yang dikenakan ke atas polisi hayat individu atau berkumpulan tidak tertakluk kepada CBP kerana pembekalan itu adalah dikecualikan daripada CBP.

Pelan Insuran Bersama

S26: Apakah implikasi CBP ke atas suatu penetapan insuran bersama atau takaful bersama (perkongsian bersesama jangkaan risiko di antara berbagai syarikat insurans/pengendali takaful) yang melibatkan insurans am?

J26: Implikasi CBP bergantung kepada aturan di kalangan syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama mengenai kaedah bil dikeluarkan. Jika syarikat insurans utama (agen untuk syarikat insurans bersama yang lain) mengeluarkan bil kepada pelanggan bagi pihak syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama yang lain, beliau hendaklah mengena dan mengakaunkan CBP ke atas keseluruhan premium yang dikenakan. Syarikat insurans bersama yang lain pula akan mengena dan mengakaunkan CBP ke atas bahagian premium mereka masing-masing dan kemudiannya mengeluarkan inouis cukai kepada syarikat insurans utama. Syarikat insurans utama akan menuntut CBP yang dikenakan sebagai kredit cukai inputnya.

Contoh 30:

Syarikat insurans utama mengeluarkan bil kepada pelanggan

Di bawah aturan insurans bersama, tiga syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama membekalkan polisi insurans am kepada seorang pelanggan. Premium adalah RM200j dimana 50% diambil oleh syarikat insurans utama dan dua syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama masing-masing mengambil 25%. Syarikat insurans utama mengena dan mengakaunkan RM12j sebagai cukai output. Inouis cukai yang dikeluarkan kepada pelanggan adalah seperti berikut:

<i>Premium</i>	<i>RM200j</i>
<i>CBP 6%</i>	<i>RM 12j</i>
<i>Jumlah</i>	<i>RM212j</i>

Seterusnya, dua syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama yang lain akan masing-masing mengeluarkan inouis cukai kepada syarikat insurans utama seperti berikut:

<i>Premium</i>	<i>RM50j</i>
<i>CBP 6%</i>	<i>RM 3j</i>
<i>Jumlah</i>	<i>RM53j</i>

Ke dua-dua syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama itu akan mengakaunkan RM3j masing-masing sebagai cukai output dan

syarikat insurans utama akan menuntut sejumlah of RM6j sebagai cukai input dalam tempoh bercukai berkaitan.

Contoh 31:

Setiap syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama mengeluarkan bil kepada pelanggan secara individu.

Di bawah aturan ini, setiap syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama hendaklah mengena dan mengakaunkan CBP mengikut bahagian mereka masing-masing.

Berdasarkan contoh di atas, syarikat insurans utama akan mengena dan mengakaunkan CBP seperti berikut:

<i>Premium</i>	<i>RM100j</i>
<i>CBP 6%</i>	<i>RM 6j</i>
<i>Jumlah</i>	<i>RM106j</i>

dan dua syarikat insurans bersama/pengendali takaful bersama yang lain masing-masing akan mengena dan mengakaunkan CBP seperti berikut:

<i>Premium</i>	<i>RM50j</i>
<i>CBP 6%</i>	<i>RM 3j</i>
<i>Jumlah</i>	<i>RM53j</i>

S27: Sebagai syarikat insurans utama dalam suatu pengaturan insurans bersama, saya bertanggungjawab untuk mentadbirkan berbagai aspek polisi insurans seperti pengendalian tuntutan dan dokumen insurans. Saya akan melewikan caj ke atas perkhidmatan itu kepada syarikat insurans yang lain yang terlibat dalam perkongsian risiko itu berdasarkan peratusan. Adakah caj itu tertakluk kepada CBP?

J27: Caj tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Produk insurans yang melibatkan perlindungan di dalam dan di luar negara

S28: Apakah implikasi CBP ke atas polisi yang memberi perlindungan sama ada pekerjaan atau pelajaran di dalam atau di luar negara; dan insurans kesihatan yang termasuk pelindungan perubatan di luar?

J28: Pembekalan pelan global dan polisi perlindungan seluruh dunia tersebut adalah tertakluk kepada CBP. Lain-lain contoh adalah termasuk insurans orang utama, liabiliti awam dan polisi perjalanan eksekutif atau korporat.

S29: Apakah implikasi CBP ke atas polisi untuk pembekalan perkhidmatan insurans am yang melindungi komponen risiko domestik dan antarabangsa?

J29: Terdapat dua (2) layanan CBP:

- (a) Jika terdapat satu polisi insurans am sahaja yang melindungi komponen risiko domestik dan antarabangsa, perkhidmatan insurans itu adalah tertakluk kepada CBP.
- (b) Jika terdapat dua polisi berasingan yang mana satu polisi melindungi komponen antarabangsa dan satu lagi melindungi risiko domestik, maka perlindungan di luar Malaysia adalah berkadar sifar dan perlindungan domestik adalah berkadar standard.

S30: Apakah implikasi CBP ke atas polisi pembekalan perkhidmatan insurans hayat yang global di mana ia memberi perlindungan di dalam dan di luar Malaysia kepada pemegang polisi?

J30: Pembekalan insurans hayat adalah pembekalan yang dikecualikan

Aktiviti Pelaburan

S31: Apakah layanan CBP ke atas aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh pengendali takaful yang menggunakan dana daripada sumbangan yang dikumpul hasil dari pembekalan takaful am dan takaful keluarga?

J31: Secara umumnya, aktiviti pelaburan seperti perdagangan ekuiti, bond, sekuriti kerajaan, pinjaman dan deposit tetap adalah tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, pelaburan yang melibatkan jualan dan belian harta komersil atau sewaan harta komersil adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S32: Apakah layanan CBP ke atas perkongsian lebihan (*surplus sharing*) dalam bentuk bonus Ma'asyi dan pendapatan yang diterima – pendapatan yang diperolehi daripada 'pelaburan' yang dilakukan oleh pengendali takaful untuk peserta pelaburan tersebut?

J32: Penerimaan pendapatan pelaburan itu adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Diskaun

S33: Bagaimana kiraan CBP ke atas premium sekiranya agen memberi diskaun ke atas premium bagi produk am kepada pelanggan tetap?

J33: Sekiranya syarikat insurans memberi diskaun ke atas premium, CBP dikenakan ke atas amaun selepas diskaun. Namum demikian, diskaun yang diberi oleh agen ke atas premium tidak boleh diambilkira bagi tujuan CBP kerana agen itu tidak dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi diskaun sedemikian.

Pendaftaran Perantara Insurans (*Insurance Intermediaries*)

S34: Saya adalah pekerja di sebuah syarikat insurans. Pada masa yang sama, saya bertindak sebagai agen untuk menjual produk syarikat saya. Perlukah saya berdaftar untuk CBP?

J34: Ya, anda hendaklah berdaftar untuk CBP jika nilai perolehan bercukai yang lepas bagi tempoh dua belas bulan telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan atau nilai perolehan bercukai pada masa hadapan dijangka akan mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Bagi pengiraan nilai perolehan

bercukai, anda hanya perlu mengambil kira komisen yang diterima sebagai seorang agen insurans.

S35: Sekiranya, nilai perolehan bercukai tahunan agen insurans yang tidak berdaftar sentiasa turun naik di atas dan di bawah nilai ambang dari satu tahun ke tahun yang lain, apakah liabiliti pendaftaran agen itu dan kelayakannya untuk membatalkan pendaftarannya?

J35: Agen insurans ini boleh mendaftar secara sukarela sebagai orang berdaftar CBP walaupun nilai perolehan bercukai tahunan adalah kurang daripada RM500,000. Walau bagaimanapun, beliau hendaklah kekal dalam sistem itu bagi tempoh yang tidak kurang daripada 2 tahun sebelum memohon untuk membatalkan pendaftarannya.

S36: Saya adalah agen residen bagi beberapa prinsipal yang bukan residen dan dikehendaki berdaftar untuk CBP. Perlukah saya berdaftar secara berasingan bagi setiap prinsipal?

J36: Tidak, anda dikehendaki membuat satu pendaftaran sahaja walaupun anda mempunyai beberapa agensi kerana berurusan dengan lebih daripada satu prinsipal.

Perkhidmatan Berkaitan Insurans

S37: Sebagai pengendali takaful, saya membekalkan kemudahan/perkhidmatan (ruang pejabat dan utiliti percuma) kepada agen dan broker di mana tiada balasan diterima bagi pembekalan itu. Apakah layanan CBP ke atas kemudahan/perkhidmatan percuma berkenaan?

J37: Pembekalan tersebut oleh pengendali takaful adalah tidak tertakluk kepada CBP kerana tiada balasan diterima. Layanan CBP yang sama akan dikenakan jika perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh syarikat insurans konvensional.

S38: Saya menggaji seorang pelaras kerugian (*loss adjuster*) untuk menilai

kerugian tuntutan insurans syarikat saya. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan pekerja saya?

J38: Pembekalan tersebut tidak tertakluk kepada CBP kerana orang yang membekalkan perkhidmatan itu adalah pekerja anda.

S39: Apakah layanan CBP ke atas polisi insurans yang dijual melalui perkhidmatan jualan secara telefon?

J39: Polisi insurans am adalah berkadar standard, manakala polisi insurans hayat adalah dikecualikan tanpa mengira sama ada polisi tersebut dijual mengikut kaedah konvensional, melalui telefon atau secara atas talian. Namun demikian, jika pemasar di pusat panggilan menerima bayaran dalam bentuk komisen atau fi berkadar rata, orang itu hendaklah berdaftar untuk CBP jika nilai perolehan bercukainya bagi tempoh dua belas bulan yang lepas telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan atau nilai perolehan bercukai pada masa hadapan dijangka akan melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

S40: Dalam menjalankan penjualan insurans, terdapat juga agen atau broker yang membekalkan perkhidmatan bukan kewangan seperti memberi nasihat mengenai program kawalan risiko, penilaian insurans atau perancangan hartanah. Adakah perkhidmatan itu tertakluk kepada CBP?

J40: Sekiranya perkhidmatan bukan kewangan itu dibekalkan oleh agen atau broker insurans di mana mereka menerima balasan bagi pembekalan perkhidmatan tersebut, CBP pada kadar standard hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan itu. Akan tetapi, sekiranya tiada balasan diterima bagi perkhidmatan tersebut, tiada CBP akan dikenakan.

S41: Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan insurans perantara yang dilakukan di Malaysia oleh agen dan broker insurans untuk prinsipal yang bukan residen (syarikat insurans/pengendali takaful)?

J41: Secara umumnya, perkhidmatan tersebut merupakan perkhidmatan bercukai dan adalah berkadar standard. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan itu memberi faedah kepada orang luar Malaysia dan kontrak itu adalah dengan

orang luar Malaysia serta memenuhi kehendak item 12 Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar)2014, perkhidmatan itu adalah berkadar sifar.

S42: Apakah implikasi CBP ke atas perbelanjaan seperti perjalanan dan penginapan yang ditanggung dalam penyiasatan tuntutan insurans oleh pekerja syarikat insurans / pengendali takaful?

J42: Syarikat insurans akan membayar CBP ke atas perbelanjaan tersebut dan seterusnya menuntut CBP yang ditanggung ke atas input.

S43: Apakah implikasi CBP ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat insurans berhubung dengan pemeriksaan kesihatan oleh bakal pelanggan bagi meneruskan perniagaan syarikat insurans dan ianya bukan faedah pekerja syarikat insurans?

J43: Syarikat insurans dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung bagi perbelanjaan tersebut jika ia berkaitan dengan membuat suatu pembekalan perkhidmatan insurans am. Syarikat insurans juga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen sokongan semasa auditan dijalankan untuk menyokong tuntutan yang dibuat.

Fi dan Komisen oleh Agen dan Broker

S44: Adakah komisen dan brokeraj yang diterima oleh agen dan broker insurans berkaitan insurans hayat dikecualikan CBP?

J44: Tidak, balasan itu tidak dikecualikan CBP. Komisen adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard tidak kira komisen itu berkaitan kontrak insurans am atau hayat.

S45: Adakah perkhidmatan nilai ditambah seperti fi untuk mengurus insurans bagi projek tertentu dan pendedahan liabiliti yang dibekal oleh broker insurans tertakluk kepada CBP?

J45: Ya, perkhidmatan itu tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S46: Syarikat insurans boleh membiayai secara langsung atau tidak langsung perbelanjaan yang ditanggung oleh agen insurans sebagai tanda pengiktirafan jumlah perniagaan yang dijanakan olehnya. Penyediaan dana ini tertakluk kepada kriteria tertentu dan kelulusan syarikat insurans. Penyediaan dana itu dikenali sebagai *soft commission*. Adakah *soft commission* itu merupakan balasan untuk pembekalan yang dibuat oleh agen kepada syarikat insurans?

J46: Ianya adalah merupakan pembekalan yang disediakan kepada syarikat insurans atau operator takaful oleh agen insurans apabila syarikat insurans membiayai perbelanjaan agen. Oleh yang demikian, *soft commission* adalah merupakan balasan untuk pembekalan dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S47: Apabila syarikat insurans saya memperolehi amaun keuntungan yang tertentu, keuntungan itu dikongsi bersama dengan agen insurans saya. Komisen keuntungan ini hanya dikongsi bersama agen yang mencapai sasaran tertentu. Adakah komisen keuntungan itu merupakan balasan untuk pembekalan yang dibuat oleh agen kepada syarikat insurans?

J47: Ianya adalah merupakan pembekalan yang disediakan kepada syarikat insurans atau operator takaful oleh agen insurans apabila syarikat insurans berkongsi keuntungan bersama agennya. Oleh yang demikian, komisen keuntungan adalah merupakan balasan untuk pembekalan dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S48: Adakah layanan CBP yang sama dikenakan terhadap syarikat insurans hayat yang memberi komisen keuntungan dan *soft commissions* kepada bank, pemasar langsung atau broker insurans?

J48: Ya, layanan CBP adalah sama.

S49: Sebuah bank pelaburan yang bertindak sebagai agen insurans membeli insurans am untuk seorang pekerjaanya dan meminta agar komisen yang diperolehi ditolak daripada premium yang dikenakan. Bagaimana pengiraan CBP bagi transaksi tersebut?

J49: Memandangkan pembekalan insurans am dan komisen adalah pembekalan yang bercukai, kedua-dua syarikat insurans dan bank pelaburan perlu mengeluarkan inouis cukai. CBP dikira seperti berikut:

Premium tahunan dikenakan	-	RM1,500.00
Komisen diperolehi	-	RM 100.00

Inouis cukai dikeluarkan oleh syarikat insurans:

Premium tahunan dikenakan	-	RM1,500.00
6% CBP	-	RM 90.00
Jumlah	-	RM1,590.00

Inouis cukai dikeluarkan oleh bank pelaburan:

Komisen	-	RM 100.00
6% CBP	-	RM 6.00
Jumlah	-	RM 106.00

Bank pelaburan bayar kepada syarikat insurans:

$$RM1,590.00 - RM106.00 = \underline{RM1,484}$$

S50: Saya seorang agen insurans dan menyediakan perkhidmatan pengaturan perlindungan insurans sebelum 1 April 2015 dan menerima komisen daripada syarikat insurans selepas 1 April 2015. Apakah implikasi CBP ke atas komisen yang dibayar kepada saya?

J50: Pembekalan perkhidmatan pengaturan perlindungan insurans oleh agen akan dibuat secara progresif sepanjang tempoh perlindungan insurans dan ini akan melangkaui 1 April 2015. Pembekalan perkhidmatan sebelum 1 April 2015 tidak tertakluk kepada CBP tetapi perkhidmatan yang dilaksanakan pada dan selepas 1 April 2015 akan tertakluk kepada CBP. Oleh itu, komisen yang diterima oleh agen sebelum 1 April 2015 tidak tertakluk kepada CBP dan

komisen berikutnya dibayar oleh syarikat insurans/pengendali takaful pada atau selepas 1 April 2015 adalah tertakluk kepada CBP.

S51: Saya seorang broker insurans dan menyediakan perkhidmatan perantara insurans bagi tempoh perlindungan insurans yang telah dibuat sebelum 1 April 2015 dan perlindungan melangkaui 1 April 2015. Apakah implikasi CBP ke atas fi yang dibayar kepada saya?

J51: Memandangkan pembekalan anda adalah untuk tempoh perlindungan yang melangkaui 1 April 2015, CBP hanya dikenakan ke atas pembekalan atau perkhidmatan setakat yang dibuat pada atau selepas 1 April 2015

S52: Pada masa pembatalan polisi yang melangkaui 1 April 2015, peratusan premium dipulangkan balik dan kemudiannya sebahagian daripada komisen asal dipulangkan balik. Apakah implikasi CBP ke atas komisen yang dipulangkan balik?

J52: Sekiranya pulangkan balik cukai secara pro rata bagi pembekalan progresif atau pembekalan yang dibuat bagi suatu tempoh polisi, maka pelarasan perlu dibuat jika pulangkan balik itu adalah berkaitan dengan pembekalan pada atau selepas 1 April 2015.

Kredit Cukai Input

S53: Saya adalah agen insurans residen yang bertindak untuk prinsipal bukan residen (syarikat insurans). Semasa menjalankan perniagaan saya, saya dikenakan CBP ke atas perbelanjaan seperti sewaan pejabat, utiliti dan alat tulis. Adakah saya layak menuntut CBP yang dibayar sebagai kredit cukai input saya?

J53: Oleh kerana anda menyediakan pembekalan bercukai, anda berlayak untuk menuntut CBP yang dibayar sebagai kredit cukai input.

S54: Sebagai agen insurans, saya kena menanggung perbelanjaan seperti caj meletak kereta, belian petrol untuk kereta penumpang saya dan caj telefon mudah alih. Bolehkah saya menuntut kredit cukai input penuh ke atas perbelanjaan itu kerana saya menyediakan pembekalan bercukai?

J54: Ya, anda boleh menuntut kredit cukai input penuh ke atas caj letak kereta, belian petrol dan caj telefon mudah alih anda dengan syarat perbelanjaan tersebut digunakan untuk penyediaan pembekalan bercukai. Sekiranya, input tersebut digunakan untuk penyediaan pembekalan bercukai dan kegunaan peribadi, anda dikehendaki mengagihkannya dengan menggunakan kaedah standard.

S55: Saya menyediakan pembekalan bercukai dan pada masa yang sama memberikan pinjaman kepada pelanggan dan subsidiari saya. Adakah saya layak untuk menuntut kredit cukai input sepenuhnya bagi pembekalan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan itu?

J55: Seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 41, Peraturan-peraturan CBP 2014 pembekalan kewangan yang bersampingan adalah tidak terpakai kepada syarikat insurans dan operator takaful.

S56: Sebagai syarikat insurans/pengendali takaful hayat, adakah saya layak mendapatkan semula cukai input pada suatu kadar tetap atas perolehan saya?

J56: Tidak, anda tidak layak untuk mendapatkan semula cukai pada kadar tetap tetapi anda boleh menggunakan peraturan-peraturan biasa bagi mendapatkannya sekiranya anda membuat pembekalan bercukai.

S57: Sebagai syarikat insurans/pengendali takaful hayat, saya perlu menjalankan penilaian perubahan sebagai satu langkah atau komponen dalam memproses tuntutan untuk menentukan status pemegang polisi perubahan. Adakah saya layak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas perolehan ini?

J57: Tidak, anda tidak layak ke atas tuntutan tersebut memandangkan anda

membuat pembekalan dikecualikan iaitu pembekalan insurans hayat.

S58: Adakah broker insurans, penyelaras kerugian atau agen insurans layak menuntut kredit cukai input yang boleh diagihkan kepada aktiviti pelaburan seperti memegang bon dan saham yang dibuat oleh mereka?

J58: Ya, mereka layak menuntut cukai input yang ditanggung ke atas aktiviti pelaburan yang dianggap sebagai cukai input yang boleh diagihkan kepada pembekalan bercukai.

Invois Cukai

S59: Sebagai agen insurans, saya mengemukakan *submission sheet* dari masa ke semasa kepada syarikat insurans prinsipal saya. Dokumen itu memberi perincian mengenai pembayaran bagi produk insurans yang dijual dan komisen saya yang layak dituntut. Bolehkah dokumen itu diterima sebagai invois cukai yang dikeluarkan oleh saya kepada prinsipal?

J59: *Submission sheet* tidak diterima sebagai invois cukai bagi tujuan CBP kerana tidak mengandungi butiran yang diperlukan dalam invois cukai.

S60: Bolehkah dokumen yang cuma digunakan untuk tujuan membuat tawaran kepada bakal pelanggan insurans diterima sebagai invois cukai?

J60: Tidak, dokumen itu tidak boleh diterima sebagai invois cukai kerana anda tidak mengetahui sama ada pembekalan akan berlaku atau tidak semasa anda mengeluarkan dokumen tersebut.

S61: Apakah kaedah pengeluaran invois yang perlu dipatuhi oleh bank jika mereka bertindak sebagai agen (*bancassurance*) atas nama prinsipal mereka (syarikat insurans atau operator takaful)?

J61: Bank yang bertindak sebagai agen atas nama prinsipal mereka boleh

mengeluarkan invoice cukai bagi pihak prinsipal itu. Mana-mana invoice cukai yang dikeluarkan mestilah di atas nama prinsipal dan mengandungi semua butiran invoice cukai yang ditetapkan.

S62: Bolehkah saya menganggap notis pembaharuan insurans (pembaharuan insurans secara automatik pada tarikh ulangtahun) sebagai invoice cukai?

J62: Anda tidak boleh menganggap notis pembaharuan sebagai invoice cukai.

S63: Bolehkah syarikat insurans/pengendali takaful menggunakan invoice bil sendiri untuk komisen yang terakru kepada agen berdaftar CBP?

J63: Syarikat insurans boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah sekiranya syarikat insurans/pengendali takaful tersebut memilih untuk menggunakan bil sendiri bagi bayaran komisen kepada agen insurans yang berdaftar CBP.

Hadiah, Baucar, Tajaan, Dll.

S64: Sebuah syarikat insurans menaja pertandingan foto kreatif, sebagai usaha untuk mempromosikan syarikat kepada orang awam yang melibatkan pemberian hadiah dalam bentuk wang dan piala. Apakah layanan CBP ke atas penganjuran tersebut?

J64: Bagi piala yang dibekalkan dalam bentuk tajaan yang tidak melibatkan balasan, syarikat perlu mengakaunkan CBP jika kos piala kepada syarikat insurans adalah melebihi RM500. Sebarang tajaan dalam bentuk wang adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S65: Pengendali Insurans Hayat dan Takaful Keluarga menyediakan prospektus, risalah dan brosur kepada agen insurans mereka untuk membantu mereka dalam menjual produk insurans atau takaful. Apakah implikasi CBP ke atas pembekalan ini?

J65: Pembekalan prospektus, risalah dan brosur oleh syarikat insurans atau pengendali takaful adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S66: Jika syarikat saya menganjur suatu majlis makan malam yang eksklusif dan menjual meja dan token bagi majlis itu kepada agen insurans saya, adakah jualan tersebut tertakluk kepada CBP?

J66: Ya, pembekalan token dan penyediaan majlis makan malam untuk suatu balasan oleh agen adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S67: Saya adalah Pengendali Takaful Antarabangsa yang ditubuhkan sebagai cawangan di Malaysia di bawah inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), yang menjalankan perniagaan takaful dan retakaful gabungan (am dan keluarga) dalam bukan ringgit Malaysia dengan orang bukan residen dalam matawang antarabangsa selain daripada ringgit Malaysia. Adakah pembekalan takaful saya tertakluk kepada CBP?

J67: Jika anda menjalankan perniagaan takaful sama ada dengan orang residen atau bukan residen untuk melindungi risiko yang berkaitan dengan tanah, bangunan dan barang di Malaysia, anda perlu mengenakan CBP ke atas perniagaan takaful am dan dikecualikan CBP ke atas perniagaan takaful keluarga. Walau bagaimanapun, jika risiko itu adalah di luar Malaysia, pembekalan perniagaan takaful am dan keluarga adalah pembekalan berkadar sifar.

S68: Adakah syarikat insurans/pengendali takaful atau syarikat insurans/pengendali takaful semula dibenarkan memohon untuk menjadi ahli pendaftaran kumpulan jika ianya bukan sebuah entiti atau bukan residen tetapi mempunyai subsidiari atau cawangan di Malaysia?

J68: Syarikat insurans/ pengendali takaful atau syarikat insurans/ pengendali takaful semula itu tidak boleh memohon untuk pendaftaran kumpulan.

Peralihan

S69: Sebagai syarikat insurans/pengendali takaful berdaftar, bolehkah saya mengenakan cukai perkhidmatan ke atas premium nyawa tahunan yang melangkai 1 April 2015, iaitu sebelum dan sehingga 1 April 2015 dan tidak mengenakan CBP ke atas premium tersebut bagi tempoh perlindungan dari tarikh 1 April 2015 sehingga tamat perlindungan tahunan tersebut?

J69: Ya, anda boleh berbuat demikian kerana peruntukan insurans nyawa merupakan pembekalan yang dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Walaubagaimanapun, sekiranya anda telah mengenakan cukai perkhidmatan kepada pemegang polisi ke atas premium tahunannya bagi tempoh sebelum dan selepas 1 April 2015, maka anda dikehendaki untuk mengakaunkan jumlah bayaran penuh cukai perkhidmatan yang diterima daripada pemegang polisi tersebut.

Lain-Lain

S70: Syarikat insurans dikehendaki menyumbangkan 0.25% daripada hasil pungutan premium insurans (motor) kepada Dana Keselamatan Jalan yang diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan. Adakah sumbangan itu dikenakan CBP?

J70: Sumbangan tersebut kepada Dana Keselamatan Jalan adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S71: Apakah implikasi CBP ke atas premium tahunan yang perlu dibayar oleh institusi kewangan kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Corporation (PIDM) yang mentadbirkan sistem insurans deposit?

J71: Premium yang dikenakan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia kepada bank adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S72: Seorang pakar insurans luar negara (penimbangtara kerugian) telah diupah oleh syarikat insurans/pengendali takaful yang berdaftar CBP untuk menyelesaikan rayuan tuntutan di mahkamah di Malaysia. Memandangkan penimbangtara kerugian itu adalah residen asing, beliau tidak akan mengenakan CBP ke atas fi arbitraj yang dikenakan. Perlukah saya mengakaunkan CBP ke atas fi arbitraj sebagai perkhidmatan yang diimport?

J72: Fi arbitraj yang dikenakan akan dilayan sebagai pembekalan perkhidmatan diimport yang diterima oleh syarikat insurans/pengendali takaful. Syarikat insurans dikehendaki mengakaunkan CBP ke atas perkhidmatan yang diimport itu dan layak untuk menuntut cukai input.

S73: Adakah levi tahunan yang dikenakan oleh PIAM kepada syarikat anggotanya tertakluk kepada CBP?

J73: Ya, levi tahunan yang dikenakan oleh PIAM tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S74: Adakah pembekalan perkhidmatan insurans oleh ‘*Malaysian Motor Insurance Pool*’ (MMIP) tertakluk kepada CBP?

J74: Ya, pembekalan tersebut tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S75: Apakah pembekalan perkhidmatan pengurusan yang dibuat oleh MMIP Services Sdn Bhd untuk menguruskan tabung insurans tertakluk kepada CBP?

J75: Ya, pembekalan tersebut tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S76: Penjualan perlindungan insurans kebakaran untuk blok kondominium yang diatur oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) adalah tertakluk kepada CBP. Bagaimanakah JMB akan mengenakan caj kepada pemilik lot komersil di kondominium itu sekiranya mereka ingin menuntut cukai input ke atas premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut?

J76: Sekiranya JMB merupakan orang yang berdaftar dan mengeluarkan suatu invoice cukai bagi yuran pengurusan, ia boleh memasukkan caj premium (termasuk CBP) ke dalam invoice cukai yang sama kepada pemilik tersebut.

S77: Pengendali takaful mengenakan fi kepada dana peserta apabila peserta menyerahkan sijil kepada pengendali takaful. Adakah caj ini tertakluk kepada CBP?

J77: Ya, fi tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S78: Sumbangan yang dikumpulkan oleh pengendali takaful dalam pelan Takaful Kemalangan Diri dikreditkan ke dalam dana peserta. Adakah sumbangan tersebut tertakluk kepada CBP apabila dikreditkan ke dalam dana?

J78: Sumbangan ini adalah tertakluk kepada CBP apabila pengendali takaful bil kepada peserta bagi pembekalan pelan takaful.

S79: Apakah contoh pemindahan antara dana yang tidak tertakluk kepada CBP?

J79: Contoh adalah seperti yang dinyatakan dibawah:

Premium insurans hayat yang diterima daripada pemegang polisi akan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu premium yang diperuntukkan dan premium yang tidak diperuntukkan. Premium yang diperuntukkan dilaburkan ke dalam pelbagai dana pelaburan manakala premium yang tidak diperuntukkan diletakkan ke dalam dana insurans. Dari semasa ke semasa, pendapatan premium daripada dana pelaburan dipindahkan ke dalam dana insurans untuk menampung kos insurans. Pemindahan dana tersebut adalah bukan pembekalan untuk tujuan CBP dan tidak tertakluk kepada CBP.

S80: Adakah bayaran tunai bagi pampasan kemalangan peribadi, pampasan kepada kecederaan badan pihak ketiga, kerugian keuntungan akibat kejadian yang diinsuranskan, pendapatan hospital, pampasan kepada

pihak ketiga ke atas liabiliti dan insurans jaminan, layak untuk kredit cukai input yang disifatkan?

J80. Tiada kredit cukai input yang disifatkan boleh dituntut daripada situasi di atas kerana bayaran tunai itu tidak berkaitan dengan pembekalan berkadar standard.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor IV

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

E-mel: gstsector4@customs.gov.my.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada :

(a) Laman web CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam :

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Faks : 03-7806 7599
- E-mel : ccc@customs.gov.my

Lain-lain layanan CBP ke atas Insurans dan Takaful

A. Secara umumnya, pembekalan berkadar standard adalah:

- Pembekalan produk insurans am dan takaful ke zon perindustrian bebas, gudang pengilangan berlesen dan gudang berlesen;
- Pembekalan kontrak reinsurans am oleh institusi kewangan di luar pesisir kepada pelanggan mereka di Kawasan Utama Kastam (KUK);
- Bayaran sewa untuk premis syarikat insurans;
- Perkhidmatan memberi nasihat (*advisory*) dan pengurusan (berhubung kontrak insurans berkaitan pelaburan) termasuk perkhidmatan memberi nasihat syariah;
- Jualan aset perniagaan bercukai;
- Aktiviti latihan untuk rekrut agen baru dan agen yang sedia ada demi mempertingkatkan produktiviti serta tahap perkhidmatan mereka; dan
- Komisen yang diperolehi.

B. Contoh pembekalan berkadar sifar adalah:

- Pembekalan insurans atau takaful am, atau kontrak reinsurans atau retakaful am yang dikeluarkan oleh syarikat insurans Malaysia untuk melindungi risiko di luar Malaysia;
- Pembekalan perkhidmatan insurans kredit eksport, insurans membiayai eksport, insurans pelaburan di luar negara dan kemudahan memberi jaminan kepada pengeksport, bank atau pelabur tempatan untuk melindungi risiko di luar Malaysia;
- Polisi yang dikeluarkan berkenaan orang perseorangan, yang bukan residen semasa polisi dikeluarkan; dan

- Pembekalan reinsurans hayat oleh syarikat reinsurans hayat yang berdaftar CBP kepada *cedant* (syarikat insurans langsung) yang berada di luar Malaysia.

C. Contoh perkhidmatan yang bukan pembekalan (tiada pembekalan dibuat) atau pembekalan di luar skop:

- Pemindahan antara dana;
- Pembekalan insurans oleh Kelab Perlindungan & Indemniti (organisasi antarabangsa) kepada kapal yang berdaftar di Malaysia yang mengurusniaga di dalam atau di luar Negara;
- Pembekalan kontrak reinsurans oleh institusi kewangan di luar pesisir di pasaran antarabangsa atau global;
- Deposit pengendali syarikat reinsurans atau retakaful yang disimpan oleh pengendali syarikat insurans atau takaful dalam bentuk cagaran untuk menjamin prestasi kontrak reinsurans atau retakaful;
- Rizab teknikal untuk digunakan bagi penyelesaian tuntutan;
- Bonus dalam bentuk tunai; dan
- Pengeluaran oleh penyumbang plan takaful keluarga daripada akaun peribadi takafulnya.

JADUAL PINDAAN

Bil	Tarikh	Kepala/Sub-kepala/Perenggan	Deskripsi
1.	27.01.2017	Perenggan 8, 9, 21, 23 contoh 7(a), 44, 58, 71, 72, 75 dan soalan lazim 5, 22 & 25.	Dikemaskini
2.	06.06.2017	Soalan lazim No. 46 & 47	Dikemaskini
3.	17.08.2017	Perenggan 24(e), 25, 26 (gambarajah), 31, 32, 58 & 95(gambarajah) Contoh 2, 3, 7, 12, 16 & 17 Soalan lazim 41, 46, 47 dan 55 Lampiran 1	Dikemaskini
4.	02.11.2017	Para 47	Dikemaskini